

DEWAN



Budaya

ديوان بودايا

PEMARTABATAN TAMADUN BANGSA



**SEPAK MANGGIS:
KEUNIKAN DALAM KEPELBAGAIAN
PERMAINAN BUDAYA**

**PEDANG MELAYU:
ADAKAH MASIH RELEVAN?**

Ekspresi
**SENI LUKIS
AKSI DAN FANTASI
NGDAWIYAH ISMAIL**

KK 800-91843-0221
ISSN 0126-8473



 Dewan Budaya DBP
 dewanbudaya
#MalaysiaMembaca



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

روکون نگارا

بهاواسان نگارا کیت ملیسیا مندو کوغ چیتا ۲ هندق:

- منچاقای فرادوان یغ لیه ارت دالم کالغن سلوروه مشارکت;
- ملیهارا ساتو چارا هیدو ف دمو کراتیک؛
- منچیتا ساتو مشارکت یغ عادل دمان کعمورن نگارا اکن دافت دنعمتی سچارا عادل دان سقسام؛
- منجامین ساتو چارا یغ لیبرل ترهاتف ترادیسیمی ۲ کیودایان یغ کای دان بریا کای-باکای چورق؛
- مبینا ساتو مشارکت فرو کزیسیف یغ اکن مغکوناکن ساین س دان تیکنولوگی مودن.

مک کامی، رعیه ملیسیا، برقرار اکن منمو فوکن سلوروه تناک دان اوسها کامی اونوق منچاقای چیتا ۲ ترسبوت برداسرکن اتس فرینسیف ۲ یغ بریا کت:

- کفر چایان کفد توھن
- کستیان کفد راج دان نگارا
- کلوهورن فرلمباکان
- کدولتن اونوغ ۲
- کسوفتن دان کسوسیلان

MINAT DAN BAKAT MENGATASI SEGALANYA

Sejurus memasuki rumah banglo dua tingkat yang terletak di Kubang Batang, Pasir Mas, Kelantan itu, penulis ini “tergamam” seketika kerana berasa seperti seakan-akan berada di alam kayangan. Bermula dari bahagian dinding, lantai dan siling sehinggalah perkakas rumah, seperti kipas dan alat penghawa dingin, semuanya dihiasi dengan lukisan “unik” berwarna kebiru-biruan yang menenangkan.

Bagi dua sahabat karib, Ngdawiyah Ismail dan Siti Zuraida Awang, impian untuk menjadikan rumah mereka sebagai muzium tujuh dimensi bukanlah semata-mata untuk mengaut keuntungan, tetapi merupakan satu terapi diri yang diterjemahkan melalui penghasilan karya fantasi yang lain daripada yang lain, bahkan penerimaan masyarakat terhadap keistimewaan rumah tersebut merupakan satu kepuasan yang tiada tara nilainya dan menjadi pembakar semangat untuk terus mengejar impian mereka.

“Hingga kini, kami telah membelanjakan sejumlah besar wang simpanan untuk menyiapkan rumah ini sebagai muzium fantasi tujuh dimensi yang pertama di Kelantan. Walaupun begitu, kami tidak mengenakan sebarang bayaran bagi para pengunjung yang datang untuk melihat lukisan tujuh dimensi di rumah ini walaupun belum dibuka secara rasmi, kerana bagi kami, semua orang berhak untuk menikmati keindahan seni,” kata Ngdawiyah kepada penulis ini. Keunikan rumah “fantasi” yang diusahakan oleh Ngdawiyah dan Siti Zuraida ini dapat diikuti dalam *Dewan Budaya* keluaran ini.

Hal ini jelas membuktikan bahawa melalui bakat yang dikurniakan dan minat yang mendalam, dua orang sahabat karib ini sanggup mengorbankan apa-apa sahaja – wang ringgit, masa dan tenaga – demi menggapai impian. Jika seseorang itu memiliki bakat tetapi tidak mempunyai rasa cinta dan minat, mustahil seseorang itu sanggup berkorban dalam bidang kesenian dan memiliki impian sebesar ini. Dalam hal ini, penulis ini amat mengagumi kegigihan Ngdawiyah dan juga para penggiat seni lukis yang lain, meskipun kadangkala karya mereka tidak disedari oleh masyarakat, namun masih cecak menghasilkan karya lukisan hanya disebabkan oleh rasa cinta terhadap dunia kesenian itu.

Rata-rata masyarakat pada hari ini tidak menyedari bahawa “seni” itu kaya dengan nilai yang dapat membantu mengembangkan “kesihatan” dalaman manusia, iaitu emosi, gerak hati dan kreativiti. Melalui nilai ini, terbentuknya keperibadian, falsafah, pemikiran dan jati diri seseorang. Maka itu, hargailah dan selamilah kegigihan para penggiat seni yang mewarnai dunia dengan bakat dan minat, kerana tanpa mereka, pastinya dunia ini hanyalah seperti hamparan kertas putih yang tiada warna. **DB**

Muhammad Lutfi Zahid



© HAK CIPTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2021

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan di dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Budaya diterbitkan setiap bulan mulai Januari 1979. Sidang Editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Budaya*. Segala sumbangan yang dikirimkan, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh 6 bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang Editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Apabila mengirim sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat, nombor telefon, dan akaun bank. Tanpa maklumat ini tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada Dewan Budaya juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak. Sila alamatkan kepada: Editor Dewan Budaya, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur. Nombor Faks: 603-2147 9617. Nombor Telefon: 603-2147 9274/9723

Ketua Pengarah

Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Dato' Hajah Padilah Haji Ali

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Haji Abd. Halim Haji Harun

Pengarah Penerbitan

Haji Razali Che Mat

Ketua Editor

Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor

Naimah Yusof
(naimah@dbp.gov.my)

Editor

Muhammad Lutfi Zahid
(lutfi@dbp.gov.my)

Penolong Editor

Muhamad Hakimi Abd Rani
(hakimi@dbp.gov.my)

Pentadbiran

Fauziah Yusof, Zaidi Mohd. Salleh, Wan Mohd Safuan, Nor Fazliatul Akmar Che Rani, Mohamed Radzuan Mohamed Noor

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman

Attin Press Sdn. Bhd.

Pencetak

Attin Press Sdn. Bhd.
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

Urusan Langganan

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor.

Tel.: 03 - 4101 0033

Faks: 03 - 4101 2019

E-mel: pp@dbp.gov.my

KANDUNGAN

Jilid 43 • Bil. 02/2021 • KK 800-91843-0221 • ISSN 0126-8473

- 1 **INTI PATI**
Minat dan Bakat Mengatasi Segalanya
- 4 **PERDANA**
Ekspresi Seni Lukis Aksi dan Fantasi Ngdawiyah Ismail
- Muhammad Lutfi Zahid dan Muhamad Hakimi Abd Rani
- 12 **KEMBARA SEORANG PENYAIR**
Amsterdam: Ada Pasir, Air dan Ganja (Bahagian Dual)
- Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara)
- 16 **TRADISI**
Sepak Manggis: Keunikan dalam Kepelbagaian Permainan Budaya
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- 20 **TRADISI**
Amalan Khurafat dalam Upacara dan Ritual
- Nor Muhammad Mat Zain
- 26 **PEMIKIRAN**
Kebenaran Mutlak dan Relatif Kaca Mata Barat
- Makmor Tumin
- 30 **ISTILAH SEMASA**
- 32 **LENSA**
Khazanah Kita
- Sharkawi Che Din
- 34 **CERITERA BULAN INI**
Negeri Perteduhan Susastera
- Haniff Yusoff
- 40 **JEJAK PERADABAN MELAYU**
Makna Jejak Peradaban Melayu
- Abdul Latiff Abu Bakar
- 44 **BILAH MAHAWANGSA**
Pedang Melayu: Adakah Masih Relevan?
- Tengku Nara Paduka



48 **SALAM BENUA**
Hagia Sophia: Impian Silam al-Fatih Menjadi Realiti
- Hariza Mohd Yusof

52 **GALERI**
"Semasa Mara dan Columbia": Sebuah Rakaman Perjalanan Mansor Puteh ke Kota New York
- Faizal Sidik

56 **RAMPAI SARI**


58 **STANZA BICARA**
Adab Melayu
- Basri Abdillah

Di Ufuk-Mu, Tuhan
- Chai Loon Guan

60 **LAYAR**
Karya Biopik Sebagai Satu Wasiat
- Muhammad Fadhli Al-Akiti

Seandainya Haiwan Boleh Bercakap
- Atiqah Abd Rahim

64 **SANA SINI**





Ekspresi


SENI LUKIS AKSI DAN FANTASI NGDAWIYAH ISMAIL

SEPANJANG DUA DASAWARSA INI, MINAT MASYARAKAT TERHADAP SENI LUKIS SEMAKIN BERTAMBAH DARI TAHUN KE TAHUN. HAL INI DAPAT DILIHAT DENGAN KEWUJUDAN PARA PELUKIS YANG HEBAT DI NEGARA INI DALAM PELBAGAI JENIS DAN ALIRAN LUKISAN, SEPERTI SUREALISME, IMPRESIONISME DAN KUBISME, YANG SETANDING DENGAN PELUKIS ANTARABANGSA. PELBAGAI PENGIKTIRAFAN TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK LUAR TERHADAP PARA PELUKIS TEMPATAN DENGAN KEMAHIRAN DAN BAKAT YANG DITAMPILKAN, SEPERTI ANUGERAH SENI, PAMERAN ANTARABANGSA, DAN SEBAGAINYA.

Walaupun begitu, rata-rata masyarakat mungkin tidak mengetahui kewujudan “pelukis aksi” di Malaysia. Lukisan aksi, atau lebih dikenali sebagai *gesture painting*, merupakan satu daripada genre lukisan yang terkenal di dunia dengan gaya sapuan cat secara spontan ke kanvas, bukannya diaplikasikan secara berhati-hati, untuk mendapatkan kesan titisan dan percikan yang menarik. Di Malaysia, tidak banyak pelukis yang menjadikan gaya lukisan aksi sebagai identiti dalam berkarya, namun bagi Ngdawiyah Ismail, gaya ini memberikan kebahagiaan dan kebebasan terhadap jiwa seninya.

Pertama kali melihat video Ngdawiyah melukis di Facebook, penulis yakin bahawa beliau ini bukanlah calang-calang pelukis. Masakan tidak, aksi Ngdawiyah melukis sambil menari mengikut rentak muzik yang dimainkan sungguh menakjubkan dan memukau mata para penonton yang melihatnya. Lantaran itu, sidang editorial *Dewan Budaya* membuat keputusan untuk ke Kelantan dengan satu matlamat, iaitu untuk mengenali dengan lebih dekat karyanya dan melihat dengan mata sendiri kehebatan melukis susuk tubuh yang berasal dari Gerik, Perak ini.

Ngdawiyah, atau lebih mesra disapa sebagai Gie, memulakan perjalanan seni dengan melukis dan menjual lukisan potret seawal usia 15 tahun. Sejak zaman persekolahan, beliau banyak menghabiskan masa untuk melukis. Yang menariknya, beliau pada ketika itu menuntut di Sekolah Menengah Teknik



Lebuh Cator, Ipoh, atau kini dikenali sebagai Kolej Vokasional Lebuh Cator, tidak pernah mengikuti pendidikan secara formal dalam bidang seni lukis dan hanya dijadikan sebagai hobi.

Kejayaan Ngdawiyah memenangi Hadiah Melukis Potret Peringkat Sekolah Negeri Perak pada tahun 1990 menjadi titik tolak kepada beliau untuk bergiat secara aktif dalam bidang seni lukis. Beliau yang pernah dianugerahi pelajar terbaik bagi sekolah vokasional pada tahun 1992 menyatakan bahawa penghijrahan beliau daripada bidang elektronik kepada bidang seni merupakan suatu keputusan yang tepat dalam hidupnya.

Dalam penghasilan setiap karyanya, Ngdawiyah sentiasa mempunyai idea atau lakaran dalam mindanya untuk melahirkan perasaan melalui limpahan

warna. Bakat seni lukis dalam dirinya diwarisi daripada ibunya. Bahkan, melalui ibunya juga, Ngdawiyah belajar beberapa teknik lukisan. Menurut beliau, antara idola dalam bidang seni lukis termasuklah Leonardo Da Vinci kerana kegeniusan pelukis itu mencipta penceritaan dalam karya lukisannya. Bagi beliau, lukisan yang baik ialah lukisan yang mampu untuk bercerita kepada khalayak.

Menceritakan pengalaman hidupnya, wanita kental berusia 46 tahun ini menyatakan bahawa beliau pernah bekerja sebagai penebar roti canai dan penjual burger untuk kelangsungan hidup. Pengalaman tersebut mengajarnya erti kecekalan dan mahu mengekspresikan kehidupannya melalui lukisan. Sebelum bergiat secara aktif dalam bidang seni lukisan, Ngdawiyah juga pernah

bekerja sebagai pereka grafik bebas dan aktif menghasilkan rekaan grafik, khususnya penerbitan buku.

Pengalaman menjadi pereka grafik bebas banyak membantu dan memberikan kesan terhadap penglibatan beliau dalam bidang seni lukisan kerana beliau perlu bermain dengan imaginasi yang mampu memberikan kefahaman kepada para pembaca. Dalam hal ini, beliau pernah memenangi anugerah buku grafik terbaik berdasarkan lakaran yang dihasilkan dengan gabungan warna dan subjek yang berkaitan rapat dengan pengalaman hidupnya.

Muzium Fantasi Tujuh Dimensi

Sidang editorial *Dewan Budaya* tiba di satu rumah yang terletak di Kubang Batang, Pasir Mas, Kelantan, dengan berpandukan lokasi yang dihantar melalui

aplikasi WhatsApp oleh Siti Zuraida Awang, Ahli Jawatankuasa (AJK) Pemasaran, Persatuan Seniman dan Warisan Kelantan dan juga rakan karib Ngdawiyah. Melihat bentuk luaran rumah banglo itu, tiada apa-apa yang membezakannya dengan deretan rumah di kawasan itu, selain dipenuhi dengan rimbunan pohon yang menghijau.

Sebaik sahaja melangkah masuk ke ruang tamu rumah itu, kami terpegun melihat lukisan seakan-akan “hidup” yang memenuhi setiap inci dinding, lantai dan siling rumah itu. Lukisan ala-ala tujuh dimensi itu memaparkan watak daripada sebuah buku yang berjudul *Hikayat Kota Dewa* hasil tulisan Faran Yusof. Yang menariknya, lukisan tersebut dihasilkan oleh Ngdawiyah seorang diri sejak tahun 2018, bermula dari ruang dapur dan kini hampir siap sepenuhnya hingga ruang tamu.

Menurut Siti Zuraida, yang juga merupakan pemilik rumah tersebut, idea asal menjadikan rumahnya sebagai muzium bermula apabila Ngdawiyah datang ke rumah ini untuk melukis di satu ruangan

sebagai hadiah kepadanya. Beliau yang amat meminati seni lukisan memberikan kepercayaan kepada Ngdawiyah untuk “menghias” rumah tersebut dengan hasil tangan sahabat karibnya itu. Bagi Siti Zuraida, keperibadian Ngdawiyah yang jujur dalam setiap perbuatan dan pengkaryanya membuatkan beliau yakin untuk membenarkan rumahnya dijadikan muzium.

“Dalam diri saya ini penuh dengan sifat kasih sayang. Apabila saya melihat Ngdawiyah melukis watak *Hikayat Kota Dewa* ini, naluri saya mengatakan bahawa lukisan ini dapat menenangkan perasaan saya. Daripada situlah timbulnya idea untuk menjadikan rumah ini sebagai muzium tujuh dimensi berdasarkan watak dalam hikayat tersebut,” kata Siti Zuraida.

Sejak itu, Ngdawiyah dan Siti Zuraida telah bekerjasama dengan penulis hikayat tersebut untuk menjayakan projek muzium tujuh dimensi yang pertama di Malaysia. Pada awalnya, lukisan tersebut hanyalah dilukis di satu sudut di bahagian dapur yang mengambil

masa selama dua bulan untuk disiapkan. Dengan sokongan ahli keluarga Siti Zuraida dan penat lelah Ngdawiyah melukis sehingga pernah tidak tidur selama dua hari, kini rumah ini dijangka siap sepenuhnya sebagai muzium menjelang penghujung tahun ini.

Cabaran utama projek ini adalah untuk menghasilkan 313 watak hikayat dalam bentuk lukisan. Sepanjang proses tersebut, Ngdawiyah perlu membaca dan memahami lebih dahulu jalan penceritaan novel tersebut. Selepas itu, beliau menghasilkan sinopsis inti pati setiap bab dalam novel tersebut dan mula melakar setiap watak satu demi satu. Selepas selesai proses lakaran itu, beliau menyusun semula lakaran tersebut mengikut alur penceritaan sebelum dipindahkan dalam bentuk lukisan.

Proses penghasilan setiap watak dalam novel tersebut turut mempunyai cabarannya yang tersendiri. Sebagai contohnya, penulis novel tersebut memberikan cabaran kepada Ngdawiyah untuk menghasilkan watak Tok Jubah,



Ngdawiyah membuat lakaran di atas kertas sebelum diterjemahkan di dinding rumah.

iaitu satu watak yang sangat menakutkan, menggunakan subjek sehelai rambut. Dalam hal ini, Ngdawiyah perlu menggunakan daya imajinasinya untuk mencipta dan menggambarkan watak Tok Jubah itu berdasarkan ciri-ciri yang ditulis dalam novel dan gambaran yang diberikan oleh Faran Yusof. Maka itu, beliau mencipta watak lakaran Tok Jubah dengan tidak menampakkannya dan hanya memaparkan rambut. Antara watak terawal yang dicipta oleh beliau termasuklah watak Tok Jubah dan Nagasari.

Penghasilan lakaran setiap watak bermula dengan watak yang mudah. Faran Yusof memberikan gambaran tentang watak itu kepada Ngdawiyah sebelum beliau menterjemahkannya dalam bentuk lukisan. Bagi beliau, watak yang

dilakukan perlu lain daripada yang lain dan tiada pengaruh luar, seperti watak novel *Harry Potter*, bahkan lebih hebat berbanding lakaran watak novel fantasi Barat itu. Hasil lakaran watak tersebut akan dilukis di setiap penjuru rumah ini sebagai bahan bukti dan rujukan orang ramai, seakan-akan seperti sedang membaca *Hikayat Kota Dewa* apabila melihat lukisan yang dihasilkan dalam rumah ini.

Proses penghasilan watak tersebut mempunyai dua fasa, iaitu proses lakaran dalam kertas dan seterusnya menggunakan perisian Adobe Photoshop. Proses ini memerlukan kemahiran melukis dan kebolehan menggunakan perisian grafik dengan baik bagi membolehkan watak tersebut dihasilkan dengan cantik. Beliau berasa bersyukur kerana berpeluang mempelajari kemahiran perisian grafik ketika bekerja sebagai pereka grafik. Hal ini

sangat penting pada era ini untuk tujuan pendokumentasian dan juga menyesuaikan diri dengan seni grafik digital.

Tambah Ngdawiyah, pengetahuannya dalam bidang elektrik pada zaman persekolahan dapat diaplikasikan dalam projek muzium tujuh dimensi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk menghasilkan kesan yang membuatkan lukisan itu kelihatan seperti “hidup”, beliau perlu memasang beberapa peralatan elektronik, seperti lampu dan pancaran cahaya, untuk digabungkan dengan lukisan yang dihasilkan. Projek ini sememangnya memberikan



Pelan keseluruhan rumah yang akan dijadikan sebagai muzium fantasi tujuh dimensi.



Siti Zuraida Awang (kiri) merupakan sahabat karib Ngdawiyah.



Lantai dan dinding sepanjang laluan ke dapur yang dipenuhi lukisan.



Sebahagian lukisan tujuh dimensi di bahagian dapur.



Setiap lukisan yang dihasilkan di rumah ini menggunakan teknik lukisan aksi.

kepuasan kepada dirinya kerana dapat menggabungkan seni lukis dengan kemahiran bertukang dan elektronik yang dipelajarinya di sekolah.

Melukis dengan Rentak Muzik

Satu daripada keistimewaan Ngdawiyah dalam bidang seni lukis ini ialah teknik “lukisan aksi”, iaitu melukis sambil mengikut rentak muzik. Beliau gemar menggunakan muzik dalam setiap karya yang dihasilkan kerana membantu memberikan ekspresi tanpa sedar yang lebih baik ketika melukis. Maka itu, setiap lukisan yang dihasilkan dalam rumah ini turut menggunakan gaya lukisan “aksi”. Yang menariknya, setiap lagu yang dimainkan perlu selaras dengan watak atau keadaan yang ingin dilukis. Jika lukisan itu memerlukan “suasana” meriah atau watak ceria, maka lagu rancak akan dimainkan, dan begitu juga sebaliknya.

Dalam hal ini, Ngdawiyah menyatakan bahawa beliau sangat teruja ketika melukis lukisan aksi,

dan menjadikannya sebagai fokus utama dalam pengkaryaan dan identiti dirinya. Bagi dirinya, tidak semua orang menyukai bidang seni lukis, tetapi jika digabungkan dengan muzik, pastinya dapat menarik perhatian mereka kerana semua orang menyukai muzik. Bahkan, melukis dan mendengar muzik merupakan satu daripada terapi yang berkesan bagi mereka yang mengalami tekanan atau keletihan.

Disebabkan oleh keunikan gaya lukisannya, Ngdawiyah sering menerima undangan untuk membuat persembahan dalam pelbagai majlis di sekitar negeri Perak. Pada kebiasaannya, persembahan dalam gimik perasmian mengambil masa kira-kira tujuh minit dengan menggunakan lagu genre epik atau lagu yang bersesuaian dengan tema majlis tersebut. Persembahan gimik perasmian yang paling diingati pernah dilakukan oleh Ngdawiyah ketika melukis lukisan aksi di panggung wayang TGV Kuala Lumpur yang dihadiri oleh

pengarah terkenal, Datuk Yusof Haslam dan delegasi dari China.

Beliau pernah bekerjasama dengan kerajaan negeri Perak dalam satu projek lukisan “World of Bunder Asia Painting Show Music Perak”. Antara usaha beliau untuk mempromosikan lukisan aksi dengan cara memuat naik video penghasilan lukisan aksi ke platform YouTube yang memiliki pengaruh yang sangat besar pada peringkat global. Selain itu, Ngdawiyah juga membuat siaran langsung melukis watak *Hikayat Kota Dewa* di Facebook dan siaran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.

Sepanjang penglibatan Ngdawiyah dalam dunia seni lukis ini, beliau menjadikan seni sebagai wadah untuk merapatkan hubungan sesama manusia. Bagi beliau,





Lukisan di salah satu bilik tidur.



“Bilik comot” menjadi tempat Ngdawiyah menghasilkan lukisan di atas kanvas.

seni itu penuh dengan nilai kasih sayang, dan semua orang, tanpa mengira umur, pangkat dan darjat, berhak menikmati nilai yang terdapat pada seni. Beliau tidak menetapkan kadar bayaran yang tidak munasabah bagi setiap karya lukisannya kerana baginya, jalinan hubungan baik lebih penting berbanding wang ringgit.

Perjalanan karier Ngdawiyah sebagai pelukis bermula dengan lukisan realistik, potret, abstrak, dan kemudiannya terjun ke dalam lukisan aksi fantasi. Beliau

menyatakan bahawa gabungan ciri-ciri lukisan realistik dan abstrak berjaya menghasilkan lukisan fantasi yang menarik. Tambahnya lagi, beliau turut menggabungkan gaya lukisan lama, seperti zaman Renaissance, dengan gaya warna moden untuk menghasilkan lukisan fantasi. Gabungan warna gaya lukisan lama dengan lukisan

fantasi moden ini menghasilkan warna purba fantasi dengan gaya lukisan aksi.

Selain menghasilkan karya untuk dijual atau dipamerkan, Ngdawiyah turut terbuka untuk menerima undangan mengajar masyarakat awam tentang seni lukis, terutamanya lukisan aksi. Pada kebiasaannya, beliau akan mengajarkan teknik lukisan aksi kerana teknik ini tidak banyak dipraktikkan oleh pelukis tempatan. Beliau turut mempunyai kumpulan lukisan aksi tersendiri di Perak, iaitu Ngdawiyah Gesture Drawing Team. Setiap undangan yang diterima, tiada yuran atau bayaran yang akan dikenakan untuk mempelajari teknik lukisan daripada beliau. Tiada juga had umur dan bangsa yang ditetapkan oleh beliau untuk mempelajari teknik lukisan ini.

“Kelas pengajaran lukisan ini dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana mereka bersama-sama mengambil bahagian dalam kelas lukisan yang dianjurkan. Dalam hal ini, saya suka memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk melukis atau melakukan



Foto potret yang dihasilkan oleh Ngdawiyah ketika berkelana di Eropah.

Ngdawiyah menjadikan teknik lukisan aksi sebagai identiti dirinya.

Ngdawiyah gemar menggunakan muzik dalam setiap karya yang dihasilkan kerana membantu memberikan ekspresi tanpa sedar yang lebih baik ketika melukis. Maka itu, setiap lukisan yang dihasilkan dalam rumah ini turut menggunakan gaya lukisan “aksi”.



apa-apa sahaja dalam kehidupan, asalkan memiliki keyakinan diri,” ujar Ngdawiyah ketika ditemu ramah oleh sidang editorial *Dewan Budaya*.

Dalam hal ini, tujuan utama Ngdawiyah untuk mengajar teknik lukisan “gesture” atau aksi kepada masyarakat kerana apabila berjaya menguasai teknik tersebut, maka mereka mudah untuk melukis pelbagai genre lukisan yang lain, seperti potret, abstrak dan sebagainya. Untuk menjadi pelukis yang berjaya, seseorang itu harus menguasai teknik lukisan aksi kerana teknik itu merupakan teknik asas dalam lukisan. Teknik aksi ini juga dapat memupuk keyakinan diri seseorang dan juga menjadi terapi minda.

Secara umumnya, teknik lukisan aksi ini lebih tepat berbanding lakaran. Kemahiran terpenting yang perlu dikuasai oleh pelukis untuk mahir dalam teknik ini ialah kemahiran bermain dengan garisan. Melalui teknik lukisan aksi, khalayak dapat melihat cerminan emosi pelukis berdasarkan kepada garisan yang terdapat pada lukisan tersebut kerana teknik ini memerlukan pelukisnya memasukkan emosi dalam lukisan. Lukisan yang

menggunakan teknik ini dikatakan jujur kerana merupakan luahan perasaan pelukis. Teknik lukisan ini sewajarnya diajarkan kepada para pelajar sejak sekolah rendah bagi mengetahui cara mengekspresikan diri dan nilai yang terdapat dalam seni lukisan aksi ini.

Kini, beliau merancang untuk membuat kombinasi antara persembahan muzik tradisional dengan demonstrasi lukisan aksi yang diadakan secara langsung untuk menarik perhatian lebih banyak orang. Tambahnya lagi, kombinasi tersebut sangat unik kerana tidak pernah diadakan sebelum ini di negara ini. Dalam setiap aksi melukisnya, Ngdawiyah tidak menghadkan pilihan genre muzik dan memainkan setiap genre muzik berdasarkan perasaan yang ingin disampaikan dalam lukisan.

Apabila menceritakan tentang perkembangan seni lukis tanah air, Ngdawiyah berpandangan bahawa seni itu tidak akan membezakannya. Dalam hal ini, golongan muda kini dilihat lebih menonjol dalam bidang seni kerana perkembangan teknologi masa kini. Seni pada zaman ini lebih banyak dihasilkan secara



digital menggunakan komputer, berbanding di atas kanvas atau kertas. Bagi beliau, satu cara terbaik untuk mendapatkan hasil seni yang optimum pada masa ini adalah dengan menggabungkan kedua-dua kaedah era dahulu dan kini.

“Kedua-dua generasi, iaitu generasi lama dan baharu, harus saling bekerjasama dan belajar antara satu sama lain untuk memperbaiki dan meningkatkan kemahiran mereka, tidak kira dalam apa-apa bidang sekali pun. Perkembangan teknologi



313 watak dalam *Hikayat Kota Dewa* dicipta oleh Ngdawiyah dan dilukis di dinding rumah.

Cat yang digunakan diimport dari luar negara.



Lakaran watak *Hikayat Kota Dewa* sebelum dilukis di dinding dalam bentuk tujuh dimensi.

maklumat era moden banyak memberikan kelebihan kepada generasi muda kerana mereka lebih terdedah kepada limpahan maklumat daripada Internet. Mereka dapat mempelajari sesuatu perkara dengan lebih pantas dan banyak berbanding dengan generasi terdahulu,” kata Ngdawiyah.

Terkenal sebagai seorang pelukis potret dan abstrak, Ngdawiyah mengakui bahawa beliau tidak pernah terfikir untuk melukis lukisan fantasi purba. Peluang untuk menghasilkan lukisan fantasi purba berdasarkan watak *Hikayat Kota Dewa* memberikan nafas baharu bagi dirinya dan berjaya menarik minat masyarakat untuk melihatnya. Menurut beliau, waktu yang sesuai untuk melukis lukisan fantasi adalah pada waktu malam.

“Cuaca memainkan peranan dalam penghasilan warna ketika proses melukis. Apabila melukis pada waktu siang, kita cenderung untuk mengambil warna yang berunsur panas kerana pengaruh cuaca. Lukisan fantasi sesuai dilukis pada waktu malam kerana suasana pada ketika itu sejuk

dengan cahaya yang suram. Apabila melukis pada cahaya yang suram, kita terdorong untuk menggunakan warna yang suram, tetapi terang. Hal ini merupakan tip untuk menghasilkan lukisan yang mempunyai warna yang sesuai dan cantik,” katanya.

Secara puratanya, modal yang diperlukan untuk menyiapkan muzium



Ngdawiyah membuat persembahan lukisan aksi.

tujuh dimensi ini mencecah RM45 ribu. Kos pembelian cat sahaja hampir mencecah RM15 ribu memandangkan cat yang digunakan diimport dari luar negara bagi menjaga kualiti. Proses menyiapkan muzium ini sememangnya memakan masa yang panjang kerana di samping melukis, Ngdawiyah perlu mencipta konsep, menyusun turutan babak berdasarkan novel tersebut untuk diterjemahkan dalam bentuk lukisan dan mencipta tarikan baharu untuk menarik perhatian khalayak. Usaha untuk menyiapkan muzium tersebut turut dibantu oleh ahli keluarga Siti Zuraida dan penduduk setempat. Hal ini jelas membuktikan bahawa seni berupaya merapatkan hubungan sesama manusia.


Pengalaman melawati muzium tujuh dimensi ini sudah tentunya berbeza berbanding melawat muzium lain yang terdapat di negara ini. Pelawat akan merasai pengalaman baharu menikmati lukisan menggunakan setiap pancaindera. Dalam hal ini, Ngdawiyah perlu mencipta bahan paparan yang sesuai dengan latar yang terdapat dalam novel tersebut bagi memaksimumkan penggunaan pancaindera pelawat.



Lukisan aksi bertajuk *Kebangkitan* yang dihasilkan oleh Ngdawiyah.

Pengalaman beliau ketika menetap di Eropah selama dua bulan digunakan untuk mencipta konsep muzium tujuh dimensi ini. Muzium di Eropah misalnya, konsep penceritaan narator secara maya digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada pelawat. Ngdawiyah mahu menggunakan konsep itu dalam muzium tersebut untuk menarik perhatian masyarakat.

Pada akhir pertemuan kami, Ngdawiyah menyatakan hasratnya untuk mewujudkan satu galeri kesenian di tempat kelahirannya, iaitu di Perak. Galeri itu bukan sekadar galeri biasa, tetapi menjadi pusat sehenti kesenian dengan mengalu-alukan kedatangan masyarakat untuk berkarya di situ. Galeri itu juga dapat menjadi inspirasi kepada masyarakat, khususnya golongan muda untuk berjaya dalam bidang kesenian, dan menjadi satu daripada tarikan pelancongan dalam negara. Bagi Ngdawiyah, bakat yang dikurniakan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang perjalanan bergelar insan seni tidak akan disia-siakan dengan mengembalikannya untuk kegunaan masyarakat. **DB**



Amsterdam

(BAHAGIAN DUA)

ADA PASIR, AIR DAN GANJA

SAYA MENGESAN BAHAWA TERDAPAT DUA WAJAH PADA KOTA AMSTERDAM. YANG PERTAMANYA, SEADANYA DAN TIDAK RASMI, DAPAT DILIHAT SEHARI-HARI DI JALAN, DESA DAN LADANG. YANG KEDUA IALAH YANG LEBIH RASMI, SEBUAH WAJAH YANG JUGA DIPERLIHATKAN KEPADA PENGUNJUNGNYA, TETAPI LEBIH RAPI DAN TERJAGA DAN SELALU DIRAWAT. WAJAH INILAH YANG KITA LIHAT PADA ISTANA, MUZIUM, INSTITUSI ILMU DAN TAMAN-TAMANNYA.



Amsterdam ialah sebuah kota tua, yang wujud sejak kurun ke-17 lagi. Terbina di tepi muara dan laut, maka sangat alamiahlah bahawa kota ini juga mempunyai sebuah pelabuhan. Dalam beberapa ratus tahun, pelabuhannya tergolong sebagai antara yang terbesar di Belanda, iaitu selain Rotterdam. Belanda menjadi kaya, tidak sedikit, oleh perdagangan lewat pelabuhan ini. Dan perdagangan ini mengalir laju kerana penguasaannya terhadap sumber alam dan manusia di Indonesia, iaitu

tanah jajahnya yang terbesar, dan berpuluh kali ganda saiznya berbanding Belanda sendiri.

Sumber alam dan tumbuhan dari Indonesia didagangkan melalui Rotterdam dan Amsterdam. Barang-barang ini antaranya termasuklah rempah ratus dan kopi, yang sangat disukai dan akhirnya menjadi bahan hidup

dengan kereta mewah berpuluh-puluh dan sebagainya. Lagipun, inilah cara Belanda dan mazhab Calvin yang kita perhatikan di seluruh negara. Sebagai misalnya, Permaisuri Juliana sebelum ini sering dilihat menaiki basikal di kotanya.

Namun begitu, pada waktu pembinaan istana ini, ada semacam pertandingan dengan istana-istana lain yang besar dan tersergam, seperti Versailles dan St. Petersburg, jikalau pun tidak untuk menang, tetapi untuk tidak terlalu kecil dan sederhana. Maka itu, istana di Amsterdam ini juga besar, luas dan tersergam.

Pada masa itu juga, pengarca dan arkitek terkenal dibawa ke Amsterdam untuk menambah hiasan dan seni istana itu supaya dapat diperlihatkan kekayaan negara dan kuasa rajanya. Dan hasilnya cukup menakjubkan. Selain lampu-lampu penerang kegelapan yang cantik dan tersusun indah, terdapat juga beberapa arca, termasuklah yang paling besar, di bahagian depannya, iaitu arca dewa Atlas mendukung bumi. Dan di atas setiap tingkat diberikan ukiran timbul bunga penghias. Setiap puncak tiangnya juga diberikan ukiran yang rumit dan sesuai.

Kini, istana ini lebih banyak digunakan, bukan untuk tempat tinggal raja dan keluarganya, tetapi sebagai ruang untuk menyambut dan meraikan wakil-wakil negara luar, tempat perayaan kebangsaan, tahun baru dan pertemuan rasmi lainnya.

Sebuah lagi gedung yang selalu dikunjungi pelawat ialah



Rijksmuseum yang terletak di Museumplein.

di Eropah. Dan perdagangan barang-barang inilah menjadikan saudagar Belanda kaya-raja.

Dalam senarai gedung-gedung rasmi Belanda, istana di Amsterdamlah yang paling besar dan tersergam. Inilah istana Raja Netherlands daripada keluarga Orange. Hingga kini, keluarga ini masih memerintah, tetapi dengan kuasa yang terbatas. Kehidupan mereka yang diperlihatkan dan ditunjukkan kepada orang ramai dilihat sebagai cukup sederhana, maksudnya tidak berlebih-lebihan



Rijksmuseum yang terletak di Museumplein. Inilah muzium kebangsaan dan kebanggaan, dan oleh sebab itu menjadi yang terpenting, yang mengumpul dan mempamerkan arca, lukisan, seramik dan barang hiasan yang berasal dari Belanda dan juga dunia. Sebuah perpustakaan yang lengkap, ruang depan yang indah, dan pameran barangan dari berbagai-bagai negara dunia luar juga dapat dilihat. Di sini, tentunya dapat ditatap lukisan Rembrandt yang ikonik, termasuk lukisan dirinya, dan

Yang paling banyak menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara ialah sebuah rumah di deretan di tebing tali air Pincengracht. Inilah rumah Anne Frank, tempat seorang gadis Yahudi bersembunyi bersama-sama keluarganya daripada tentera Jerman yang menyerang Amsterdam dan negara Belanda pada Perang Dunia II.

juga lukisan *Jaga Malam*.

Rembrandt terkenal kerana dapat meniru secara realistik perasaan manusia. Wajah dan lagak merekalah yang jelas membawakan perasaan ini. Bagi pengunjung dari Nusantara, ada beberapa buah lukisan wajah dan keadaan Diponegoro, pejuang Jawa yang ditawan Belanda, yang cukup terhormat.

Selain itu, terdapat juga ruang pameran barangan antik dan kegunaan harian yang unik dari luar negara. Waktu kita di Amsterdam sangat terbatas, maka harus bergegas ke sebuah lagi muzium yang terkenal di kota ini, iaitu Museum van Gogh. Walaupun Rembrandt cukup termasyhur dalam pencapaian realistiknya, tetapi Vincent van Gogh lebih sederhana, dan oleh sebab itu lebih akrab dengan peminat-peminatnya. Mereka diberikan pengalaman 3D dan teknologi mutakhir apabila memasukinya, sesuatu cara yang terus mendekatkan kita lagi kepada pelukisnya.

Di sana juga terdapat potret diri beliau dan banyak lagi daripada hasil tangan dan catnya. Saya melihat beliau sebagai seorang

seniman sepenuhnya, dengan segala kerenah peribadi dan seninya. Beliau pernah lama tinggal di Paris, dan pernah dicatat sebagai selalu mengalami halusinasi. Sekali persetua beliau pernah memotong telinganya, sewaktu ghairah bertengkar dengan teman pelukisnya. Benarlah seperti kata Shakespeare, genius dan gila itu berjiran antara satu sama lainnya!

Pada lukisan van Gogh, kita melihat gerak hati dan perasaannya, jalur-jalur empati dengan barang yang dilukisnya, misalnya dalam lukisan terkenalnya, *Bunga Matahari*. Bunganya berdimensi tiga dan kelihatan segar dan seperti masih hidup dan bergerak di depan kita. Sama terkenal ialah surat-suratnya kepada saudaranya, Theo, yang banyak terjual hingga hari ini. Surat-surat ini melukis keadaan dan jiwa pelukis itu apabila



Lukisan Diponegoro oleh Pieman.



Lukisan Rembrandt yang ikonik.



Anne Frank.



Rumah Anne Frank.



Ruang 3D di Muzium van Gogh.



Muzium van Gogh.



Bunga Matahari karya van Gogh.


menyiapkan karya-karyanya. Daripadanya kita dapat membaca rahsia hati dan juga makna yang ingin disampaikan.

Rumah Anne Frank

Yang paling banyak menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara ialah sebuah rumah

di deretan di tebing tali air Pincengracht. Inilah Rumah Anne Frank, tempat seorang gadis Yahudi bersembunyi bersama-sama keluarganya daripada tentera Jerman yang menyerang Amsterdam dan negara Belanda pada Perang Dunia II.

Oleh sebab tentera Hitler memburu orang berketurunan Yahudi di negara-negara yang ditakluki mereka, maka Anne Frank dan empat orang ahli keluarganya mengaturkan sebuah persembunyian yang cukup pintar dan lengkap. Ceritanya diturunkan dalam hariannya yang berjudul *The Dairy of Anne Frank*. Karya ini juga menceritakan tentang penganiayaan dan kezaliman terhadap kaum Yahudi. Pemerintah Israel sekarang wajib membacanya dan tidak mengulang penganiayaan Jerman ini kepada




Buku yang memaparkan surat van Gogh kepada saudaranya, Theo.

penduduk Palestin yang diambil tanahnya.

Malangnya, Anne meninggal dunia semasa penaklukan itu, tetapi seluruh buku hariannya terselamat dan telah diterbitkan dalam bahasa Belanda dan diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa lainnya. Melalui karyanya ini, beliau menjadi sangat terkenal. Rumahnya dijadikan muzium di kota kelahirannya sejak 3 Mei 1960 lagi. Di dalam rumah itu dipamerkan bilik-bilik dengan dinding palsu untuk persembunyian mereka, barangan, buku dan pakaian milik Anne, serta ahli keluarga lainnya. **DB**

Dua halaman daripada harian rahsianya.





Sepak Manggis

Keunikan dalam
Kepelbagaian
Permainan
Budaya

Sepak manggis terkenal dalam masyarakat Bajau yang mendiami daerah Tuaran, Kota Belud dan Kota Marudu di Sabah. Dalam hal ini, kita pasti dapat melihat permainan ini dimainkan jika terdapat majlis keramaian, seperti kenduri kahwin atau ketika menyambut kunjungan orang kenamaan.

Namun begitu, tidak ditemui fakta yang jelas tentang sejarah kewujudan permainan sepak manggis ini dalam kalangan masyarakat Bajau. Hanya cerita turun-temurun yang diwarisi daripada nenek moyang mengatakan bahawa permainan ini ada hubung kait dengan sosialisasi masyarakat setempat. Yang jelasnya, permainan sepak manggis ini berkaitan rapat dengan permainan sepak takraw atau sepak raga masyarakat Melayu. Juga,

tiada fakta yang jelas mengapakah permainan ini dinamakan sepak manggis. Melalui perbualan dengan tokoh-tokoh lama masyarakat Bajau mengatakan bahawa perkataan sepak manggis bermaksud menendang bola tinggi mengenai sasaran membawa semangat yang tinggi.

Menurut Ketua Puteri UMNO Bahagian Kota Belud, Masnatu Satong, yang ditemui di Dewan Kampung Tambulion Sorob, perkataan “sepak” berasal daripada perkataan bahasa Melayu yang



Sepak manggis selalu dimainkan apabila majlis perkahwinan diadakan.

merujuk kepada permainan sepak raga. Manakala “manggis” pula sebagai bidalan bakul berhias yang digantung tinggi seperti buah manggis. Manakala isi putih manis manggis diandaikan seperti bahan-bahan di dalam bakul tadi disediakan dengan rasa

kegembiraan, keseronokan dan keikhlasan tuan rumah untuk diberikan kepada sesiapa sahaja yang berjaya menurunkan bakul tersebut.

Konsep menimang bola rotan dalam kumpulan beberapa orang pemain dalam permainan sepak raga hampir sama dengan corak permainan sepak manggis. Yang bezanya, sepak manggis ada sasaran tinggi yang hendak dituju. Walau bagaimanapun, terdapat sumber mengatakan bahawa awal kewujudan permainan sepak manggis ini ialah menimang bola dalam kumpulan sebelum seorang pemain dalam kalangan mereka menendang tinggi bola tersebut mengenai sasaran. Dari semasa ke semasa, permainan ini dipermudahkan hinggalah ke hari ini kita dapat lihat seorang peserta membuat balingan ke arah rakannya, kemudian menimang bola tersebut tinggi ke arah sasaran.

Bagaimanakah permainan ini boleh diterima dalam masyarakat Bajau? Ada yang mengatakan bahawa bola yang diperbuat daripada anyaman rotan yang mudah diperolehi dan dapat dianyam menjadi kunci jawapannya. Sosioekonomi masyarakat Bajau dalam daerah Kota Belud kebanyakannya hidup sebagai nelayan dan petani. Daripada rotan, masyarakat Bajau membuat bola raga. Permainan menimang bola raga ini mudah diaplikasikan oleh masyarakat Bajau, bermula daripada kanak-kanak sehinggalah orang dewasa. Cara permainannya sangat mudah tanpa perlu gelanggang atau dewan yang mahal, serta boleh dimainkan di mana-mana sahaja, sama ada di halaman rumah, kawasan padang rumput atau tepi pantai.

Menurut Masnatu Satong lagi,



Sepak manggis biasanya dimainkan di kawasan lapang seperti halaman yang tidak bersimen atau padang.

masyarakat Bajau juga terkenal sebagai nelayan yang mahir. Malahan nelayan juga merupakan sumber ekonomi mereka yang utama selain bertani. Tidak hairanlah jika terdapat anak muda menimang bola raga ini di kawasan pantai kerana pantai juga merupakan satu lokasi yang amat sesuai untuk memainkan permainan sepak raga. Sepak raga ini menjadi permainan komuniti masyarakat Bajau pada setiap petang atau hari-hari lapang mereka.

Ada juga yang mengatakan bahawa sepak raga selalu dimainkan oleh anak-anak muda bagi mengisi masa lapang sementara menunggu majlis dimulakan. Secara lazimnya, majlis perkahwinan atau apa-apa majlis keramaian membuatkan banyak anak muda berkumpul. Tidak mustahil sepak manggis ini timbul ekoran budaya anak muda yang suka menimang bola raga sementara menunggu majlis dimulakan. Bertepatan pula sepak manggis dewasa ini dimainkan bagi memenuhi ruang masa sebelum tuan rumah memulakan majlis bersanding.

Kini, sepak manggis bukan

Ada beberapa tokoh masyarakat kampung mengatakan secara tidak formal bahawa permainan ini sebagai salah satu aktiviti yang mesti dilakukan terutamanya ketika majlis perkahwinan diadakan. Menjadi keganjilan bagi satu-satu majlis dalam masyarakat itu jika permainan ini diketepikan.

sahaja menjadi satu kemestian kepada masyarakat Bajau apabila mengadakan majlis keramaian, malahan permainan ini sudah diterima pakai sebagai satu daya tarikan pelancong ke daerah Kota Belud, di samping permainan berkuda. Permainan ini juga sudah menjadi satu budaya dan tatacara kehidupan masyarakat Bajau, bukan sahaja di daerah Kota Belud, malahan beberapa daerah berhampiran, seperti Tuaran dan Kota Marudu.

Cara Bermain Sepak Manggis

Peralatan untuk bermain sepak manggis ialah satu biji bola takraw, satu batang buluh panjang, kotak berhias yang bergantung wang, gula-gula, makanan ringan, sapu tangan, rokok dan sebagainya.

Buluh panjang berukuran 15 meter hingga 25 meter dipacakkan di atas tanah dan di hujungnya diikat kotak berhias dan berisikan hadiah, kebiasaannya berupa wang tunai. Pasangan pengantin

diiringi pengapit dan ibu bapa pengantin akan mengelilingi tiang buluh sebanyak tujuh kali. Kemudian, pengantin perempuan akan membaling bola takraw kepada si suami dan suami akan menyepak bola takraw ke arah kotak berhias yang digantung di atas buluh. Percubaan akan dibuat sebanyak tujuh kali dan diikuti pengapit. Setelah pengantin menyepak bola takraw ini, menandakan permainan ini telah bermula.

Oleh sebab kotak berhias itu terlalu tinggi, maka sukar untuk bola takraw tersebut mengenainya dan permainan ini terbuka kepada orang ramai, tidak kira muda, tua, ataupun kanak-kanak. Mereka berbaris untuk menunggu giliran menyepak bola takraw tersebut. Jika ada peserta yang mampu menyepak bola takraw sehingga mengenai kotak tersebut, maka semua hadiah di dalam kotak itu menjadi miliknya. Jika tiada pemenang, maka jarak kotak tersebut direndahkan sehinggalah ada seorang pemenang.

Dewasa ini, untuk bermain sepak manggis, tuan rumah atau pengurus memainkan peranan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana nadi sebenar permainan sepak manggis terletak pada hadiah misteri yang berada dalam bakul yang digantung tinggi. Tuan rumah atau pengurus inilah yang berperanan menyediakan habuan tersebut. Hanya beberapa klu diberikan kepada peserta bagi menaikkan semangat mereka merebut habuan tersebut.

Walau bagaimanapun, semangat gotong-royong tetap sebagai landasan utama dalam penganjuran permainan ini. Sebagai contohnya, usaha untuk membuat bakul yang dihiasi cantik dan mencari buluh di hutan. Kerja-kerja ini selalunya dilakukan oleh anak muda atau

rakan yang hadir di majlis tersebut. Selalunya dalam kalangan kaum keluarga terdekat atau jiran tetangga. Jika majlis rasmi, maka ahli jawatankuasa khas dilantik oleh pengerusi untuk menyediakan peralatan-peralatan yang diperlukan.

Tiada gelanggang khas yang disediakan untuk permainan sepak manggis ini. Jikalau adapun, hanya penanda jarak antara peserta yang membaling bola dengan peserta yang membuat sepekan. Tempat yang dipilih selalunya di kawasan lapang berhampiran lokasi program, seperti halaman yang tidak bersimen atau padang. Hal ini bertujuan memudahkan kerja-kerja memacak buluh panjang yang



Permainan sepak manggis menjadi budaya dan tatacara kehidupan masyarakat Bajau.

menjadi penyokong kepada bakul berhias.

Lokasi permainan juga dipilih berhampiran dengan rumah pengantin atau tapak program bertujuan memudahkan tetamu yang hadir untuk bersama-sama menyaksikan permainan ini. Bagi masyarakat Bajau, permainan ini amat menyeronokkan dan menjadi hiburan kepada mereka melihat telatah peserta berusaha keras menendang bola raga ke bakul.

Sepak Manggis Permainan Budaya

Ujar Masnatu Satong, permainan sepak manggis dapat dikategorikan sebagai permainan budaya berikutan kaedah dan aplikasinya dalam masyarakat Bajau sebagai aktiviti wajib, khususnya apabila majlis perkahwinan diadakan. Dalam kelompok masyarakat yang memegang teguh kepada adat dan budaya khususnya masyarakat Bajau ini, permainan sepak manggis ini salah satu perkara yang selalu utamakan.

Ada beberapa tokoh masyarakat kampung mengatakan secara tidak formal bahawa permainan ini sebagai salah satu aktiviti yang mesti dilakukan terutamanya ketika majlis perkahwinan diadakan. Menjadi keganjilan bagi satu-satu majlis dalam masyarakat ini jika permainan itu diketepikan. Permainan ini bertujuan bagi membantu tuan rumah memenuhi setiap masa majlisnya, di samping memeriahkan lagi majlis tersebut. Di samping itu, permainan ini juga merupakan sebahagian daripada nadi kemeriahan majlis. Dari segi penerimaan masyarakat, hampir semua lapisan masyarakat Bajau dapat menerima permainan ini sebagai sebahagian daripada budaya majlis mereka. Malahan, yang

melibatkan diri dalam permainan ini juga tidak terhad kepada golongan muda sahaja, tetapi golongan tua dan kanak-kanak juga turut serta.

Menurut Masnatu Satong, terdapat sesetengah masyarakat tempatan mengatakan bahawa permainan ini mempunyai semangatnya yang tersendiri. Bagi masyarakat kampung, kepercayaan mistik seperti ini sememangnya tidak dapat dinafikan. Kesahihannya memang sukar untuk dipastikan. Walau bagaimanapun, ada yang berandaian bahawa majlis perkahwinan tersebut menjadi “panas” jika membelakangkan permainan ini. Malahan, tidak mustahil ada yang sanggup memulaukan sesuatu majlis itu jika permainan sepak manggis ini ditiadakan.

Struktur atau tatacara permainan sepak manggis memberikan gambaran yang jelas tentang sosialisasi permainan ini dalam masyarakat Bajau. Bakul yang dihias cantik memberikan gambaran keindahan dan keceriaan majlis. Kandungan bahan-bahan yang dimuatkan dalam bakul juga mencerminkan kekuatan majlis tersebut. Jika majlis diadakan oleh golongan berada, maka bahan-bahan yang dimuatkan dalam bakul tersebut selalunya hadiah yang agak mahal.

Jika wang yang diletakkan, maka jumlahnya sememangnya besar. Ada juga yang mengikat atau membalut bakul tersebut dengan selendang atau kain berwarna kuning untuk menunjukkan majlis tersebut diadakan oleh golongan berketurunan bangsawan. Jika majlis tersebut diadakan oleh masyarakat kelas pertengahan, maka cukup sekadar kemampuan atau hanya memasukkan kuih-muih

tradisional, seperti kuih pinjaram atau kuih jala, ke dalam bakul tersebut sebagai syarat penganjuran permainan ini.

Sama seperti permainan lain, permainan sepak manggis juga tidak terlepas daripada risiko dan kelemahannya tersendiri. Kaedah permainan ini sebagai permainan tradisional kadang kala menimbulkan pelbagai masalah kepada pemain mahupun penganjur. Antara masalah tersebut termasuklah tiada garis panduan atau peraturan khusus yang bertulis sebagai rujukan. Jika berlaku sebarang pertelingkahan, maka keputusan selalunya diserahkan kepada pihak penganjur. Pemain terpaksa akur kerana menghormati tuan rumah dan majlis yang diadakan.

Selain itu, wujud perbezaan antara majlis berketurunan bangsawan dengan rakyat biasa. Jika majlis diadakan serentak, selalunya majlis yang dianjurkan oleh golongan berkemampuan lebih meriah kerana hadiah yang lumayan. Manakala majlis golongan rakyat biasa dipenuhi oleh golongan kaum kerabat terdekat sahaja. Jika berlaku sebarang kemalangan atau kecederaan, tiada pampasan yang dijanjikan kepada pemain. Pemain tidak berhak menuntut apa-apa ganti rugi ekoran kecederaan atau kerugian yang dialami.

Sebagai kesimpulannya, permainan sepak manggis berjaya menempah status kedudukan yang kukuh, malahan menjadi satu simbol keunikan dalam kepelbagaian permainan budaya di negara kita, khususnya di Sabah. Permainan sepak manggis dengan sendirinya menjadi simbol tarikan utama seiring dengan permainan-permainan lain, khususnya dalam daerah Kota Belud dan daerah-daerah berhampiran, seperti Tuaran dan Kota Marudu. **DB**





Amalan *Khurafat* **dalam Upacara dan Ritual**

KEMUNCULAN AMALAN KHURAFAT DI NUSANTARA BERMULA DARIPADA SEJARAH KEAGAMAAN YANG DIANUTI OLEH MASYARAKAT. ANIMISME DAN DINASISME MENJADI RANGKA YANG PERTAMA BAGI MASYARAKAT MELAYU, SEBELUM TERSEBARNYA ISLAM DI NUSANTARA. ANIMISME IALAH KEPERCAYAAN PADA SEMANGAT DAN ROH YANG MENDATANGKAN KEBAIKAN DAN KEBURUKAN KEPADA MANUSIA.



Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu dahulu mengamalkan kepercayaan animisme dan dinamisme.

Sebagai kesannya, munculnya konsep perhambaan dan pemujaan kepada benda-benda yang dianggap memiliki kuasa ghaib dan mistik, dan memohon perlindungan dan pertolongan daripada benda yang dipuja. Dinamisme ialah suatu kepercayaan yang menyakini wujudnya satu kuasa dan tenaga ghaib pada benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia. Sebagai contohnya, dipercayai sungai yang memiliki kedalaman dasarnya yang luas lebih kuat kuasanya berbanding sungai yang cetek dasar kedalamannya.

Setelah kedatangan Islam, proses amalan dan ibadah telah mengalami perubahan, terutamanya

yang berkaitan dengan konsep perhambaan dan pengabdian berteraskan kepada Allah SWT. Penyebaran dan penerimaan Islam dalam kehidupan orang Melayu tidak sebagaimana pengaruh agama Hindu sebelum itu. Islam bukannya lapisan nipis dalam konteks budaya Melayu, tetapi Islam diterima oleh semua golongan masyarakat Melayu dan mempengaruhi keseluruhan kehidupan orang Melayu.

Oleh sebab itu, Islam membawa perubahan penting kepada kehidupan orang Melayu. Amalan tradisi disesuaikan dengan nilai-nilai Islam dan proses penyesuaian amalan tradisi

dengan kehendak-kehendak Islam berlaku secara berterusan. Hal ini dikatakan demikian kerana anggota masyarakat telah mengalami proses Islamisasi, maka itu mereka menilai kembali amalan tradisi dari semasa ke semasa. Namun begitu, terdapat sesetengah golongan yang mencampuradukkan fahaman karut dan tahyul ke dalam ibadah dan amalan harian. Amalan khurafat dan kepercayaan tahyul terdiri daripada beberapa jenis. Pertama, khurafat dan tahyul dalam bentuk upacara. Kedua, khurafat dan tahyul dalam ungkapan dan bacaan. Ketiga, khurafat dan tahyul berbentuk benda dan peralatan.

KHURAFAT JENIS UPACARA

1 Perkahwinan

Dalam majlis perkahwinan, terdapat upacara persandingan yang diadakan untuk pengantin lelaki dan wanita. Pada masa dahulu, sebahagian majlis ini dilengkapi dengan pelbagai jenis peralatan yang dihiasi dengan gubahan bunga, kain berwarna kuning, dan ada kalanya berwarna putih. Kain yang dibekalkan mengandungi unsur spiritual yang tersendiri. Seterusnya, kedua-dua pengantin



Masyarakat Melayu zaman dahulu mengamalkan upacara memilih tapak rumah, membina dan mendirikan rumah.

akan diletakkan inai dan direnjis dengan wangi-wangian sebagai adat yang dituntut.

Dalam budaya Melayu, majlis persandingan yang diadakan seolah-olah satu kewajipan, sedangkan persandingan itu merupakan adat dalam kepercayaan Hindu yang mengagungkan Dewa Rama dan Dewi Sita. Semasa diadakan majlis perarakan, sesetengah pengantin wanita akan diiringi oleh mak andam, manakala pengantin lelaki diiringi oleh seorang bomoh lelaki. Tugas pengiring seperti mak andam dan bomoh ialah menjaga keselamatan pengantin daripada terkena gangguan jin dan syaitan, sihir dan santau oleh orang yang dengki. Oleh sebab itu, sebelum acara diadakan, kebiasaannya mak andam akan mengadakan upacara menolak bala.

Menurut Fatimah Mahat yang juga seorang mak andam, nasi kunyit, bertih dan telur goreng disediakan dan diletakkan bahan tersebut ke dalam sebuah dulang. Bahan itu diperasapkan dengan bara tempurung dan kemenyan, sambil melafazkan jampi mantera, seperti yang berikut;

*Hai jin tanah jembalang tanah,
minta mu jaga bumi, lambang
bumi di sini.*

*Jagalah anak-pinakmu kurang satu
empat puluh,
yang tua jin hitam di bumi,
jin hitam pemacak rabun,
jin hitam salah habah,
jin hitam sirat permainan,
Terimalah khidmat ini,
nasi kunyit, dadal bertih, sirih
pinang dan air sejuk.*

Menurut Adil Akhyar, upacara membaca jampi dan mantera bertujuan untuk memelihara majlis perkahwinan tersebut daripada sebarang bentuk gangguan jahat, terutamanya daripada makhluk halus itu atau tujuan khianat dan berbuat jahat.

Kenduri Kematian

Kenduri ini diadakan khas untuk roh si mati.

Upacara ini juga disebut sebagai “kenduri arwah” oleh sebahagian masyarakat di Semenanjung Malaysia. Kenduri arwah diadakan beberapa peringkat, iaitu hari pertama diadakan kenduri masuk kubur, hari ketiga diadakan upacara makan serabai, hari ketujuh diadakan dan dinamakan kenduri pecah perut, hari ke-40 diadakan kenduri sebagai petanda roh si mati telah berpisah dengan waris, dan setelah genap 100 hari diadakan kenduri kemuncak yang dinamakan kenduri turun batu nisan.

Upacara ini menandakan bahawa roh si mati telah bersama-sama jemaahnya sebagai ahli kubur. Menurut Haji Ahmad Haji Che Din, perkara khurafat ini dicipta dan diperbaharui semula oleh golongan yang menjadi ketua dalam sebuah organisasi, terutamanya individu yang dikenali sebagai guru ilmu gerak batin, peramal, pawang, bomoh, dukun dan pengubat spritual. Peranan mereka dalam menghidupkan adat istiadat dan perkara tahyul bergantung kepada bidang kepakaran masing-masing.

3 Upacara Mendirikan Rumah Baharu

Upacara memilih tapak rumah, membina dan mendirikan rumah dilaksanakan oleh bomoh atau pawang. Mereka ditugaskan memasang pendinding di sekitar tapak pembinaan untuk tujuan mengelakkan perkara buruk dapat dihindari. Menurut Haron Daud, bomoh diminta untuk memilih tapak rumah kerana dipercayai ada tempat yang baik dan ada tempat yang tidak baik berdasarkan kedudukan tanah, jenis dan baunya.

Sebagai langkah keselamatan, bomoh akan bacakan mantera yang dikhaskan, seperti yang berikut;

*Assalamualaikum
hai peran tua peran muda
peran terakai peran tua
marilah tolong melepaskan sial
dari jembalang
bukan aku melepas,
peran tua peran muda
peran terakai peran tua
yang melepas
lepaslah segenap liang bulu roma.*

Setelah rumah siap dibina, bomoh yang ditugaskan akan kembali untuk mengadakan upacara “pagar rumah”. Sebenarnya upacara tersebut tidak lebih daripada upacara menjamu jin dan tidak ada kena mengena dengan keselamatan dan kesejahteraan penghuni rumah berkenaan. Antara syarat dan adat istiadat yang mesti dibuat oleh bomoh tersebut termasuklah menggantung buah kelapa muda di tiang seri rumah, menanam tahi besi, emas, perak, tembaga, paku pada setiap tiang seri rumah dan menepung tawar sebagai upacara memulih rumah tersebut.

Upacara Menurunkan Perahu atau Kapal ke Laut

Upacara ini dilakukan oleh bomoh dengan harapan perahu atau kapal tersebut selamat daripada gangguan hantu laut semasa belayar di lautan luas. Pelayaran tersebut bertujuan untuk mencari rezeki bagi memperoleh hasil tangkapan hasil laut, sama ada untuk dijual atau untuk diberi makan kepada keluarga, mengembara dan bermusafir.

Semangat perahu dan kapal dipulihkan dengan jampi serapah

dan mentera serta diadakan ritual seperti menepung tawar. Antara peralatan menepung tawar termasuklah tepung beras, air yang dicampur dengan tepung beras yang dicampur dengan beras bertih, bunga mawar, mangkuk tembaga dan alat perenjis yang terdiri dari daun sedingin, daun setawar, daun hati-hati, daun ganda rasa, daun sepuluh, daun samban, daun juang dan akar ribu-ribu.

Kenduri Tolak Bala

Kenduri ini diadakan setahun sekali setiap tahun dengan tujuan menolak segala anasir jahat. Tempat upacara ialah di kawasan lapang atau di tengah padang, manakala disyaratkan supaya setiap penduduk kampung yang terlibat membawa makanan yang diletakkan ke dalam pinggan atau mangkuk. Pada masa dahulu, ketua kampung yang ditugaskan membaca doa sebagai permulaan upacara, manakala bomoh pula ditugaskan untuk membaca jampi serapah dan melakukan penyembelihan haiwan ternakan, seperti kerbau, lembu atau kambing. Daging yang disembelih akan dimasak dan diadakan jamuan untuk orang yang hadir.

Kenduri seperti ini juga melibatkan pemujaan arwah bahawa roh ayah, ibu dan datuk dan nenek dikatakan bertindak sebagai penjaga untuk keluarganya. Ismail Hamid dalam bukunya *Masyarakat dan Budaya Melayu* menyatakan bahawa sajian diberikan dari semasa ke semasa dengan harapan roh-roh itu akan membawa kebaikan dan kemakmuran kepada keluarga. Jika sajian diabaikan, roh-roh itu akan datang mengganggu keluarga. Sajian itu dilakukan dalam bentuk menjamu jiran

tetangga atau kenduri sebagai tanda sajian.

Membuka Gelanggang Latihan Pertahanan Diri

Ritual membuka gelanggang latihan pertahanan diri menjadi amalan sebahagian kecil guru latihan pertahanan diri yang terdiri dalam kelompok bomoh atau pawang. Pada kebiasaannya, ritual ini menjadi kemestian dalam ilmu pertahanan diri yang mengamalkan amalan pertapaan, kebal dan kemampuan berhubung dengan makhluk halus. Selain itu, berdasarkan kepercayaan pengamal, ritual ini bertujuan menghindari sebarang kecederaan dan kecelakaan semasa dan selepas sesi latihan. Proses ritual bermula dengan penyembelihan haiwan ternakan, seperti kambing atau ayam hitam, oleh ketua atau guru pertahanan diri.

Darah haiwan tersebut akan disiram di sekeliling gelanggang. Seseengah ketua yang membuka gelanggang akan melaksanakan upacara dengan menyapu darah haiwan sembelihan ke telapak kaki pelajar silat. Di samping itu, ketua pertahanan diri akan mula membaca mantera dengan isinya yang menyelitkan penyeruan seperti “*semangat taming sari*”, “*semangat hang jebat*”, “*semangat hang tuah*” dan sebagainya. Proses terakhir ialah mengasapkan kemenyan di sekeliling gelanggang.

Permohonan dan Permintaan daripada Penunggu

Permohonan ini dilakukan bagi meminta restu daripada makhluk selain manusia, iaitu golongan jin dan syaitan, atau lebih

dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai jembalang, penjaga, atau penunggu. Satu amalan yang sering diperingatkan oleh orang-orang tua kepada anak-anak mereka ialah ketika hendak membuang air semasa di dalam hutan, mestilah meminta izin terlebih dahulu daripada penunggu atau penjaga kawasan tersebut.

Menurut Datuk Ismail Kamus, antara ungkapan yang biasa disebut oleh orang Melayu untuk memohon izin daripada penunggu ialah “minta ampun tok nenek, anak cucu tumpang lalu”, merupakan satu kesalahan dalam Islam. Sedangkan makhluk itu tiada kuasa apa-apa, melainkan satu kesesatan menurut syariat Islam.

8 Puja Kubur

Upacara ini diadakan oleh mereka yang percaya bahawa penghuni kubur berupaya menyempurnakan hajat setelah diminta, terutamanya apabila orang yang berhajat itu berada dalam kesusahan. Jenis makanan untuk ritual menjamu tersebut seperti ayam panggang, bertih, pulut kuning, pisang emas yang dibawa dan diletakkan di atas kubur. Makanan ritual itu dipercayai untuk menjamu ahli kubur sebelum meminta sesuatu hajat daripada roh orang mati.

Kubur sering dijadikan tempat sembelihan haiwan untuk memberi makan kepada “khadam”. Binatang yang disembelih itu selalunya berwarna hitam kerana jin sukakan warna hitam. Penyembelihan tersebut dilakukan tidak membaca nama Allah, manakala bangkai haiwan dilemparkan ke tempat jin sambil membaca jampi serapah. Setelah itu, makhluk tersebut bersedia menunaikan permintaan pemuja kubur tersebut. Kadang

kala, kubur orang soleh turut tercemar dengan amalan syirik tersebut. Kubur golongan ulama ataupun wali menjadi tumpuan memohon hajat, sehingga ada yang sanggup menyembah dan sujud bagi mendapatkan restu.

9 Mandi Safar

Orang Melayu pada masa dahulu ada yang mengamalkan mandi Safar atau mandi beramai-ramai di sungai atau pantai. Ritual ini dianggap sebagai kaedah menolak bala pada bulan Safar dan menghapuskan dosa. Hal ini berkaitan dengan kepercayaan sesetengah orang Melayu bahawa bulan Safar merupakan bulan yang mendatangkan kecelakaan serta mendapatkan petanda nasib yang baik atau buruk.

Orang yang terlibat akan berarak ke destinasi terpilih diiringi alunan muzik, nyanyian, jampi serapah dan alunan zikir tertentu. Semasa upacara bermula, pawang atau bomoh akan membaca mantera atau jampi serapah. Seterusnya, bomoh akan menulis azimat tertentu di atas kertas untuk dijadikan azimat dan seterusnya memasukkan azimat tersebut ke dalam bekas berisi air. Azimat yang dimasukkan digunakan untuk mandian orang yang hadir.

Kini, upacara mandi Safar kurang diamalkan dalam masyarakat Melayu, namun diolah semula dalam bentuk yang lain, tetapi konsep asal mandi Safar tetap dikekalkan. Antara kaedah yang masih diamalkan termasuklah menulis perkataan jampi di atas papan atau kertas dan direndamkan ke dalam kolah atau perigi untuk dibuat mandian ahli keluarga atau orang yang berhajat.

10 Membuang Ancak

Ancak diperbuat daripada daun pisang atau buluh yang hampir sama dengan sangkak. Sebahagian ancak diperbuat daripada upih pinang dan dibentuk menjadi empat segi seperti sebuah bakul. Ancak berfungsi sebagai kaedah “menjamu” jin peliharaan dan mengusir kehadiran golongan syaitan dan jin yang ingin berbuat jahat kepada keluarga dan penduduk kampung. Menurut Haji Ahmad Haji Che Din, kepercayaan menjamu dengan menggunakan ancak ini masih ada hingga hari ini, terutamanya bagi mereka yang masih berpegang dengan saka atau peliharaan jin peliharaan.

Upacara membuang ancak juga merupakan satu kaedah yang digunakan oleh golongan bomoh untuk mengubati pesakit, sama ada berpunca daripada makhluk halus atau sihir. Ada dua kaedah untuk membuang ancak, iaitu dilepaskan ke sungai atau meletakkan ancak ke dalam hutan, iaitu di kawasan darat. Bahan yang disediakan melalui kedua-dua cara melepaskan ancak juga berbeza. Sebagai contohnya, ancak yang dilepaskan ke sungai perlu disediakan bahan seperti bertih, dua batang pisang, ketupat, sebiji telur yang telah direbus, dan keempat-empat penjuru ancak harus diletakkan lilin. Bagi ancak yang ingin diletakkan di dalam hutan pula perlu disediakan bahan seperti seperti pulut kuning, rendang ayam atau daging, pisang dan telur dadar. **DB**

PERINGATAN: Paparan mantera adalah sebagai contoh bacaan yang digunakan dalam amalan khurafat. Mantera yang dipaparkan dilarang untuk diamalkan oleh pembaca.

Pesona DBP



Saksikan rancangan menarik melalui Studio Siaran Langsung Media Sosial DBP



Segmen Rancangan

- ▶ Pena Editor Tabik Dia I Sembang Orang Muda I Bicara Karyawan
- ▶ Cakna Ilmu Sembang Tamu I Peka Bahasa I Luar Jendela
- ▶ Berita Aktiviti DBP Sana Sini
- ▶ Warisan Kita Dialek Kita I Tawarikh I Yang Lama Dijunjung

Ikuti kami melalui @DBPMalaysia



KEBENARAN MUTLAK DAN RELATIF KACA MATA BARAT

A PABILA LAHIRNYA BAYI DI ATAS MUKA BUMI INI, KASIH SAYANG DARIPADA KEDUA IBU BAPANYA MERUPAKAN SESUATU YANG DIHARAPKAN OLEH BAYI ITU. FITRAH KASIH SAYANG ITU JUGA PERNAH DIHARAPKAN OLEH IBU BAPA BAYI ITU KETIKA MEREKA LAHIR KE DUNIA INI, DAN FITRAH INI BERTERUSAN SEJAK ZAMAN NABI ADAM DAN HAWA SEHINGGALAH BAYI YANG TERAKHIR LAHIR DI ATAS MUKA BUMI INI.

Dari sudut falsafah Barat, manusia secara semula jadinya memiliki daya rasional dan setiap manusia adalah sama. Adakah falsafah seperti ini masih dapat dipertahankan dan adakah mustahak bagi kita mengajar ilmu falsafah kepada masyarakat? Jika diperhatikan tentang kejadian makhluk mamalia yang lain yang umumnya hidup secara berkumpulan, fitrah menginginkan dan memberikan kasih sayang antara bayi dengan ibu bapa juga merupakan kejadian sama yang terus berlaku sejak dahulu hinggalah masa ini.

Pada zaman ini, pemahaman tentang kejadian manusia yang berfitrah seumpama ini tidak masuk ke benak masyarakat. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh meluasnya pengaruh falsafah Barat yang mula berkembang mulai abad ke-17. Zaman ini disebut sebagai bermulanya Era Pencerahan (*Enlightment*) yang dimulakan oleh buah fikiran tokoh besar di Eropah, misalnya melalui Rene Descartes (tahun 1596-1650). Manusia dipercayai secara semula jadinya atau fitrahnya memiliki daya rasional dan mempunyai naluri untuk mengejar atau mendapat kebebasan secara sama, meliputi setiap kejadian semua manusia. Apabila berbondong-bondong manusia berkiblatkan Barat untuk mendapat pencerahan ilmu, maka semakin



Rene Descartes.

banyaklah spesies manusia itu menyerap gagasan yang percaya bahawa manusia itu secara semula jadinya rasional.

Pemahaman fitrah atau tabii manusia seumpama ini berterusan beratus tahun lamanya hinggalah hari ini. Adam Smith lebih dipuja sebagai Bapa Ekonomi Moden, John Stuart Mill pula dikagumi sebagai Bapa Falsafah Kebebasan, sehinggalah yang agak dekat dengan zaman kita, seperti John Rawls dan Robert Nozick. Rata-ratanya percaya bahawa dengan kekuatan rasional dan kepercayaan kebebasan individu secara sama bagi setiap manusia, prinsip kehidupan yang benar dan mutlak akan dihasilkan. Hal ini memberikan implikasi bukan sahaja kepada sumber-sumber lain, seperti kasih sayang, bahkan sumber metafizik, seperti wahyu dan ilham seseorang, juga tidak dimasukkan dalam perhitungan

memformulasikan prinsip kehidupan manusia.

Secara umumnya, daripada kaca mata Barat dan kaca mata manusia yang termakan dengan falsafah ini, manusia hanya dapat hidup jika mereka membuat keputusan berdasarkan kekuatan rasional yang berprinsipkan kepada kekuatan merebut apa-apa yang menggembirakan, dan menepis semua yang menyengsarakan. Gagasan seumpama ini disebut sebagai memaksimumkan utiliti atau kebahagiaan. Pemikiran rasional tanpa teras kasih sayang dan cahaya wahyu dan ilham bukan sahaja menjadikan kehidupan manusia hari ini tidak sihat, malah turut menjadikan kehidupan spesies yang lain semakin tidak sihat, termasuklah bumi dan alam keseluruhannya. Bukan sahaja risiko kesihatan badaniah semakin tinggi dan risiko kemusnahan alam semakin jelas, bahkan masalah moraliti dan spiritual spesies manusia juga semakin membimbangkan.

Rene Descartes yang disebut sebelum ini berhujah bahawa terlalu banyak kesangsian atau kekeliruan terhadap idea para pendukung agama dan para penaaikul yang menggunakan kekuatan dalam bagi membuktikan ilmu masing-masing yang dipercayai datang dari alam metafizik atau alam ghaib. Oleh hal yang demikian, Descartes


mengemukakan metode Kesangsian Sistematik (*Systematic Doubt*). Inti kepada metode ini ialah kebenaran mutlak akan ditemukan sekiranya semua kesangsian dapat dihilangkan. Sebagai analoginya, bagi memastikan semua buah epal dalam sebuah bakul baik kualitasnya, kesangsian terhadap kualiti epal itu hanya akan hilang apabila epal itu disiasat kualitasnya satu persatu sehingga habis.

Walau bagaimanapun, tidak ada satu pun perkara di atas muka bumi ini yang tidak tertakluk kepada kesangsian, sekiranya daya rasional sahaja yang dijadikan mekanisme berfikir. Hal ini membawa pengertian bahawa manusia akan terus hidup daripada satu kesangsian kepada kesangsian yang lain tanpa ada prinsip kebenaran mutlak ketika hayatnya. Apa-apa yang dapat dicerap oleh daya rasional adalah hal yang dapat dicerap oleh lima pancaindera manusia; melihat, mendengar, menyentuh, menghidu dan mengecap. Pancaindera penglihatan itu pun



Seorang anak amat mengharapkan kasih dan sayang daripada ibu bapanya.

AFTER VIRTUE



Alasdair MacIntyre
After Virtue membincangkan tentang metode Kesangsian Sistematis Descartes.

sangat terhad. Jika ditanya apakah yang dapat kita lihat di hadapan ketika ini, mungkin jawabnya adalah bahan bacaan kita.

Sebenarnya, terdapat banyak perkara yang berada di depan mata selain bahan bacaan itu. Hal ini termasuklah udara, gelombang bunyi, atom, atau yang beribu kali lebih halus daripadanya, seperti *tachyon* (sejenis partikel),

makhluk hidup yang halus, sama ada yang mempunyai nilai sains yang boleh dikuantifikasi, seperti virus dan bakteria, mahupun yang mempunyai ilmu yang tidak boleh dikuantifikasi, seperti malaikat dan jin.

Menentukan kualiti epal dengan kaedah kesangsian berdasarkan kiasan sebelum ini sebenarnya memancing kesangsian lain, misalnya yang dapat dilihat hanyalah bahagian luar epal itu. Kesangsian kualiti epal masih terus tidak dapat dihilangkan kerana kualiti epal itu lebih terletak kepada isinya dan bahagian luaran tidak selalunya memberikan gambaran dalaman sesuatu benda.


Akhirnya, apabila menyedari tiada kebenaran mutlak dapat ditemui, falsafah Barat pada masa ini mengatakan bahawa tiada satu kebenaran yang mutlak melainkan relatif kesemuanya. Rene Descartes sendiri dikritik kerana memberikan gambaran tentang betapa lemahnya ilmu berdasarkan sumber alam ghaib kerana akan menghimpunkan banyak keraguan

dan kesangsian kepada manusia.

Apakah pula kebenaran mutlak menurut kaca mata pendukung agama dan pendeta ilmu? Soalan seperti ini biasanya dijawab dengan merujuk kepada huraian yang terdapat dalam bahan-bahan berasaskan sumber wahyu dan pengalaman hidup para pendeta yang menjadi guru kepada murid atau ahlinya. Bahan-bahan seumpama ini sememangnya sangat baik dan umumnya pembaca dalam kumpulan ini akan dapat mempertajamkan daya fikir mereka, sekali gus menambahkan keyakinan dan diharapkan meningkatkan keimanan.

Bagaimana reaksi kumpulan manusia yang telah dipengaruhi oleh pemikiran mereka yang berkiblat ke arah Barat dengan pendekatan saintifik, bukan sahaja dalam sains tulen, tetapi juga dalam ilmu sains sosial? Mungkin impaknya sudah dapat diduga, iaitu semakin menjauh, bukannya semakin mendekat kepada ilmu yang didapati daripada bahan berkenaan. Melabel atau mengkategorikan kumpulan dan sub label dan kategori kumpulan hanyalah permulaan suatu proses diagnosis. Yang lebih

Idea MacIntyre dapat dirumuskan bahawa daya rasional sememangnya penting dan perlu diletakkan di tempatnya. Manusia secara semula jadinya sejak dalam buaian menjalin hubungan kasih sayang dengan ibu bapanya dan hal ini merupakan hakikat, bukannya andaian. Hal ini membawa pengertian bahawa manusia itu semula jadinya adalah makhluk berkasih sayang, bukannya makhluk rasional semata-mata.



Alasdair MacIntyre.



Manusia secara semula jadi menginginkan perasaan kasih sayang.



ditunggu adalah preskripsinya atau prognosinya. Sesuatu barah itu hanya diketahui oleh pakar dalam jurusan kanser dan masalah bersifat kefalsafahan seumpama ini memerlukan ilmu jurusan falsafah juga. Mungkin dalam bidang seumpama ini kita masih jauh beratus batu terbelakang.

Dalam dunia Barat itu sendiri, usaha dalam kalangan ahli falsafah terhadap isu keruntuhan moral, ketipisan identiti agama dan isu-isu lain seumpamanya semakin giat dilakukan. Antara yang terkini termasuklah yang dilakukan oleh Alasdair MacIntyre, khususnya melalui perbincangan beliau dalam karyanya, *After Virtue*. Sebahagian daripada perbincangan tentang masalah metode Kesangsian Sistematik Descartes sebelum ini dikutip daripada karya beliau ini.

Menurut tokoh yang lahir pada tahun 1929 itu, dan masih berwacana hingga kini, tumpuan terhadap kekuatan rasional disifatkan sebagai sama dengan tumpuan terhadap kekuatan fizikal. Hal ini membawa pengertian bahawa sekiranya manusia kasar (*barbaric*) merupakan manusia yang menggunakan kekuatan fizikalnya untuk memaksa orang lain tunduk kepadanya, manusia moden pula menggunakan kekuatan rasional untuk memaksa atau meyakinkan manusia yang lain agar tunduk dengan kekuatan rasional yang dikuasainya.

Idea MacIntyre dapat dirumuskan bahawa daya rasional sememangnya penting dan perlu diletakkan di tempatnya. Manusia secara semula jadinya sejak dalam buaian menjalinkan hubungan kasih sayang dengan ibu bapanya dan hal ini merupakan hakikat, bukannya andaian. Hal ini membawa pengertian bahawa manusia itu semula jadinya adalah makhluk berkash sayang, bukannya makhluk rasional semata-mata. Perkara yang berkaitan dengan kasih sayang perlu menjadi keutamaan bagi masyarakat.

Daya rasional berkembang dan diperlukan bagi menghalusi perkara yang berkaitan dengan persoalan kekayaan, kekuasaan dan status kehidupan dalam masyarakat. Dengan memastikan aspek dalaman didahulukan sebelum aspek luaran, harkat atau harga diri manusia sebagai makhluk yang paling tinggi daya rasionalnya berbanding haiwan yang lain akan dapat dijaga dan menjadi mulia. Jika daya rasional dibiarkan bermaharajalela, manusia akan menjadi lebih hina daripada haiwan yang paling

buas di muka bumi ini. Harimau hanya membunuh mangsanya untuk tujuan memakannya, tetapi manusia membunuh manusia lain, bukan seorang tetapi jutaan orang, kerana mahu memaksimumkan kekayaan, kekuasaan dan statusnya dalam masyarakat.


Pendeknya, selain daripada bidang ilmu yang lain, ilmu falsafah amat diperlukan bagi menangani pelbagai masalah manusia hari ini, yang berpunca daripada berkembangnya falsafah itu sendiri. Ilmu falsafah itu sememangnya berpotensi mengundang bahaya keserjanaan tersendiri. Dalam penggultan falsafah, memang ada yang sesat ketika mengembara dan terus merawang dalam minda falsafahnya. Hal ini menunjukkan bahawa sebagai orang yang beragama, perlu sentiasa memahami akan pentingnya hierarki ilmu itu, iaitu ilmu wahyu mestilah sentiasa berada di atas ilmu logik atau falsafah. Masih mesej yang sama, semakin tinggi ilmu falsafah seseorang itu, sewajarnya semakin hampirlah individu itu dengan ilmu wahyu berkenaan. **DB**

ISTILAH SEMASA

ISTILAH SUMBER	ISTILAH SASAR	BIDANG	HURAIAN
<i>life skill</i>	kemahiran hidup	Pengurusan, Pendidikan	Kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan seharian seperti bersukan, bertani dan lain-lain.
<i>multi-skilling</i>	Pengurusan, Pendidikan	Pengurusan, Pendidikan	Kaedah untuk memberikan kemahiran kepada individu atau kumpulan melalui pelbagai latihan kemahiran yang diberikan oleh majikan atau pihak berkepentingan.
<i>knock out sale</i>	jualan rentap	Pengurusan, Pendidikan	Strategi jualan yang menawarkan pembelian terhadap sesuatu barang, yang lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh pihak pesaing.
<i>bioprinting</i>	biocetak	Perubatan	Teknik pencetak 3D khas yang dapat meniru ciri tisu semula jadi biologi struktur dengan bantuan komputer (menggabungkan sel, faktor pertumbuhan, dan biobahan), terutamanya memperbaiki atau mengganti saluran darah, membuat bahagian kecil tisu manusia, membuat struktur tisu yang kompleks seperti urat).
<i>non-biological printing</i>	pencetakan nirbiologi	Perubatan	Teknik mencetak bahan bukan biologi atau bukan benda hidup dengan bantuan komputer.
<i>uncanny valley</i>	lembah gerun	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Fenomena susuk tubuh yang dihasilkan oleh komputer atau teknologi robot yang mempunyai keserupaan dengan manusia dan menimbulkan rasa gerun atau takut bagi orang yang melihatnya.
<i>cultural appropriation</i>	ambil guna budaya	Sosiologi	Proses penerapan budaya oleh masyarakat yang dominan daripada budaya lain yang tidak dominan seperti adat, identiti, amalan, dan lain-lain yang boleh menyinggung perasaan seseorang atau masyarakat yang tidak dominan.
<i>appropriated cultural</i>	budaya terambil guna	Sosiologi	Budaya masyarakat yang tidak dominan seperti adat, identiti, amalan, dan lain-lain yang diambil dan diserap ke dalam budaya masyarakat yang lebih dominan, dan boleh menyinggung perasaan seseorang atau masyarakat yang tidak dominan.
<i>home-based learning</i>	pembelajaran di rumah	Pendidikan	Proses pembelajaran yang dilaksanakan di rumah atau mana-mana lokasi, secara dalam talian dengan menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar yang dilaksanakan pada masa nyata. Antara medium yang digunakan ialah DELIMa, Cikgootube, Google Meet atau Microsoft Teams dan lain-lain.
<i>instafamous</i>	sohor Instagram / pesohor Instagram	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Individu yang terkenal kerana mempunyai jumlah pengikut yang ramai dan jumlah tanda suka yang banyak pada hantaran gambar di aplikasi Instagram.

- Lebih daripada 120 ribu entri dan subentri merangkumi kata umum, istilah, dialek dan kata bahasa serumpun.
- Analisis baharu berdasarkan data korpus lebih daripada 113 juta kata dalam Korpus DBP, di samping penggunaan kata di Internet.
- Terdapat maklumat pemenggalan kata, ejaan Jawi, sebutan dan kelas kata.
- Sekitar 7000 maklumat etimologi diberikan dalam kamus ini.
- Takrif istilah bidang disediakan bersama-sama dengan pakar bidang yang berwibawa.
- Pencungkilan takrif kata-kata dialek dan kata bahasa serumpun dilakukan bersama-sama dengan informan terpilih.
- Semua contoh penggunaan diambil daripada korpus bahasa Melayu yang diandalkan.

KAMUS BAHASA MELAYU TERBESAR DAN TERLENGKAP



Sasaran utama kamus ini ialah penutur asli bahasa Melayu dan bukan penutur asli yang mahir menggunakan bahasa Melayu.

RM200.00

senaskhah

TEMPAHAN DIBUKA SEKARANG

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**BAHAGIAN PEMASARAN DAN PENGEDARAN,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,**

Kompleks DBP, Jalan AU3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: **03 - 4101 0000, 4101 0028**, Faks: **03- 4101 2019, 4101 2485**



DBPNIaga



pp@dbp.gov.my



www.dbpniaga.my



019 - 214 1956





KHAZANAH KITA

Foto : Sharkawi Che Din

Lokasi : Kelantan

Permainan tradisional seperti permainan gasing jarang dapat dilihat oleh kebanyakan orang pada masa ini. Gambar ini dirakam di Kelantan dalam satu demonstrasi bermain gasing di perkampungan dikelilingi dengan pohon kelapa yang menggambarkan suasana kampung yang mendamaikan.

Khazanah seperti ini bukan sahaja perlu dikekalkan, malah perlu lebih kerap dipertontonkan kepada masyarakat di negara kita. Pada kebiasaannya, permainan gasing dimainkan selepas musim menuai. Masyarakat dahulu menggemari permainan gasing kerana mempunyai nilai tradisi dan kemanusiaan yang dapat membentuk keperibadian. ^{DB}







*Negeri Perteduhan
Susastera*

🔥 SUGGUH, JIKA BERTERUSAN HANG TUAH DIJULANG TUANKU RAJA, NESCAJA KITA INI HANYALAH BONEKA, MENJADI PERHIASAN ISTANA, BERPAPASAN SEPERTI ANGIN LALU, LANGSUNG TIDAK MENDATANGKAN SEBARANG MAKNA.”

“Jikalaulah nama Hang Tuah sahaja yang manis di bibir tuanku, pengorbanan kita sebagai pegawai istana dan menteri yang lainnya seperti sia-sia. Tentu akhir nanti mudarat juga kembali kepada kita.”

“Sudah bersilih ganti raja kita menabur bakti, nama Hang Tuah jualah yang sering dipuja-puji.”

Sejak raja baharu mula menaiki takhta mewarisi peterana leluhur, ajaran agama Islam semakin diperhalusi dalam pemerintahan. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* disebarluaskan di segenap penjuru negeri, tanpa sedikit pun diskriminasi. Bahasa, budaya dan sastera Melayu dipelihara serta dipulihara demi kesejahteraan marga dan ketamadunan bangsa. Lihat, pemerintah negeri kami dalam usahanya merekayasa sosiobudaya bangsa agar tidak dicemari unsur asing. Pedagang-pedagang pula gemar menyinggah di pelabuhan untuk menikmati keharmonian yang terasa, mengenal keramahan masyarakat juga mendekati budaya negeri kami yang indah nian.

Maka negeri kami pun semakinlah tenteram, lagi-lagi memiliki Hang Tuah seorang laksamana yang terbilang. Setiap kali musuh menyerang, tiadalah dapat ditakluk walau sebarang. Laksamana bijak menyusun akal dalam membaca segala muslihat. Nah, sekali laksamana membuka bunga silat, bersedialah untuk

ditewaskan. Negeri kami beroleh masyhur, disegani setiap kerajaan, malah dihormati negeri-negeri kejiranan. Kerana kesetiaan dan kepewiraan Hang Tuah, raja begitu mengenang jasa lagi mengasihkan. Tiada dapat dibandingkan dengan segala perlakuan yang laksamana baktikan.

Nama Hang Tuah begitu mengharum di setiap penjuru yang membangunkan istana, melewati segenap ruang yang ada. Adapun Hang Tuah sedemikian dikasihi raja laksana menatang minyak yang penuh, tetap juga ada yang menyimpan rasa cemburu dendam di pelusuk hati terdalam.

“Kalau semuanya sudah sepakat, marilah kita bertemu Patih Kerma Wijaya, kerana dia juga tidak berkenan akan Hang Tuah si laksamana. Mana tahu, ada fikirannya yang mampu kita laksana.”

Rasa cemburu mula menjalar dalam salur darah para pegawai istana dan juga para menteri. Rasa ketidakpuasan dalam hati sudah menjadi lahar yang lama menggelegak, menunggu masa untuk meletus seperti gunung berapi. Maka segala pegawai dan menteri pun mengatur langkah bertemu Patih Kerma Wijaya dengan harapan Patih Kerma Wijaya memahami isi hati sekaliannya.

Ketika di hadapan Patih Kerma Wijaya, sekalian pegawai istana dan

menteri berlagak seperti yang telah direncana, dihempas segala destar dan juga keris pusaka. Patih Kerma Wijaya benar-benar tidak menduga dengan perlakuan segala pegawai istana dan menteri. Ada yang tersirat di sebalik perlakuan mereka.

“Apakah jenis syaitan yang telah menghasut kalian sehingga sebegitu sekali perbuatan kalian di hadapan kita?”

“Apalah gunanya hamba sekalian dijadikan pegawai jua menteri, sedangkan nama yang sorang itu jualah yang ditimang-timang. Apalah gunanya hamba sekalian memakai pakaian laksana hulubalang, sedangkan sedikitpun tuanku rasa tidak berkasih-sayang.”

Arkian, Patih Kerma Wijaya bergelak ketawa setelah mendengarkan segala kata-kata yang dipersembahkan. Dia begitu maklum dengan perasaan yang terpendam di hati segala pegawai dan menteri, kerana dia juga merasakan yang sama- pegawai renta yang selalu disisihkan. Nama Hang Tuah sahajalah yang meniti dibibir dan terlintas di ingatan tuanku raja turun-temurun. Seperti Hang Tuah sahaja susuk yang bergentayangan di mata tuanku raja, sedangkan yang lainnya hanyalah halimunan. Sebegitu Patih Kerma Wijaya mengandaikan.

“Molek juga kita sepakat mengenakan Hang Tuah, laksamana kesayangan. Lama juga kita ini asyik makan hati. Hang Tuah jua dilebih-

lebihkan tuanku raja, senantiasa dalam renungan dan ingatan.”

“Patih Kerma Wijaya, apakah rencana yang sedang berlegar-legar di fikiran, tuan hamba? Sama-samalah kita kerjakan, biar tuanku raja maklum kita bukan halimunan. Biar Hang Tuah merasa betapa peritnya tidak dipedulikan.”

“Begini, kalian pulanglah dahulu menenangkan hati nan amarah. Tahulah kita yang bernama Patih Kerma Wijaya ini membawa khabar kepada baginda raja. Waktu itu, tahulah Hang Tuah akan langit itu tinggi ataupun rendah.”

Patih Kerma Wijaya mengatur langkah tergesa-gesa ke balai penghadapan, mengadap baginda tuanku raja. Maka Patih Kerma Wijaya menyembah, lalu menghempas destar dan kerisnya secara tiba-tiba. Raja pun amatlah terkejut dengan perilaku Patih Kerma Wijaya yang seperti keanak-anakan.

Sekalian pegawai dan menteri yang pernah berjumpa dengan Patih Kerma Wijaya sebelumnya saling berbalas pandangan. Tahulah mereka bahawa Patih Kerma Wijaya telah memula rencana.

“Hai Patih Kerma Wijaya, mengapa dilemparkan destar dan keris di hadapan beta sebegitu rupa?”

“Ya, tuanku. Patik mohon ampun dan kurnia beribu ampun. Patik yang tiadalah mulia di mata siapa-siapa ini langsung tidak berniat berlaku biadap di hadapan tuanku. Cuma...”

“Cuma apa Patih Kerma Wijaya? Teruskan mengatur percakapan. Beta sedia mendengarnya.”

“Sesungguhnya, patik menyimpan rasa bimbang dengan apa yang akan patik persembahkan ini. Bimbang akan mendatangkan

amarah tuanku jua. Kerana itu, patik mohon perkenan tuanku agar tidak menyalahkan patik yang cuba menyampaikan kebenaran.”

“Hai Patih Kerma Wijaya, persembahkanlah segala yang terbuka di hati. Beta suka sekali jikalau menteri beta memperjuangkan kebenaran.”

Maka sembah Patih Kerma Wijaya, “Apalah gunanya patik sekalian menjadi pegawai dan menteri lagi? Sedang seseorang berbuat cabul di dalam istana lagi tiada terbunuh oleh patik sekalian, apatah lagi istimewa pula seseorang itu, malah dikasih-kasih duli tuanku. Hakikatnya, ada pepatah Melayu menyebut, harapkan pagar, pagar jualah yang makan padi.”

Lalu raja pun bertitah, “Apakah maksud semuanya itu?” Maka sembah Patih Kerma Wijaya, “Ya tuanku, malam tadi patik dan beberapa orang pegawai dan menteri berkawal di kawasan persekitaran istana. Maka patik sekalian dapat melihat dengan pancaindera mata bahawa permaisuri Teja berdua-duaan dengan laksamana Hang Tuah di dalam kamar melalui jendela. Maka patik berasa geram hendak merejam segala tombak tetapi terfikir akan kasih dan percaya tuanku pada laksamana Hang Tuah, lalu tidaklah patik sekali berbuat apa-apa. Syahadan, patik tidak dapat melepaskan mata setelah pulang kerana jelas terbayang-bayang akan kelakuan permaisuri Teja dan laksamana Hang Tuah. Oleh itu, pagi ini patik membawa sembah, barangkali tuanku menjadi amat amarah. Ampun, tuanku.”

“Fitnah! Wahai Patih Kerma Wijaya, sesungguhnya menfitnah itu dosanya lebih dasyat daripada pekerjaan membunuh. Tidakkah kamu tahu akan perihal itu?”



Tafsiran ayat 217 surah *al-Baqarah* sejelas-jelasnya menyatakan, Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan.”

“Mohon bersabar adinda Teja. Bukankah sabar itu tersisip jua sebahagian daripada iman? Kanda perlu perhalusi satu-persatu jalinan peristiwa agar dapat menegakkan keadilan dan meruntuhkan penindasan. Bendahara, beta yakin bendahara juga dapat membantu beta menyelesaikan kemelut dalaman istana ini.”

“Patih Kerma Wijaya, bertuturlah atas nama kebenaran kerana Allah SWT. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui tanpa sedikit pun keraguan. Baiklah, lanjutkan sahaja kisah pada malam itu. Khabarkan kepada beta dan



“Molek juga kita sepakat mengenakan Hang Tuah, laksamana kesayangan. Lama juga kita ini asyik makan hati. Hang Tuah jua dilebih-lebihkan tuanku raja, senantiasa dalam renungan dan ingatan.”

sekalian isi istana, apakah yang Patih Kerma Wijaya lihat pada malam itu.”

“Ampun, tuanku. Patik bersumpah patik melihat tangan permaisuri Teja menyentuh anggota badan laksamana Hang Tuah. Tidak sanggup patik melihat lama-lama, bimbang juga mata patik dinaik ketumbit. Tidak disangka-sangka laksamana Hang Tuah berani memasuki kamar peraduan tuanku. Rupa-rupanya Hang Tuah yang tuanku kasihkan ini seorang pembuat maksiat, apatah lagi seorang pengkhianat!”

“Cis, sebegitu sekali Patih Kerma Wijaya menuduh laksamana. Berdendam benar Patih Kerma Wijaya pada laksamana selama ini, Hang Jebat mencelah. Patih Kerma Wijaya membalas kata-kata Hang Jebat dengan jelingan yang tajam.

“Bertenang Hang Jebat. Kita masih dalam perbicaraan menegakkan keadilan.” Bendahara pun mengangkat sembah, “Ampun tuanku, patik kira tibalah masa untuk permaisuri Teja pula mengisahkan kejadian pada malam itu dari sisinya pula.”

“Adinda, peganglah kitab suci al-Quran ini dan berkatalah yang benar-benar sahaja.”

Permaisuri Teja pun mengangkat sembah, lalu memulakan bicara. “Demi Allah, Tuhan sekalian alam. Benar, malam itu laksamana Hang Tuah dipanggil ke kamar peraduan beta. Beta mahu jahitkan sepersalinan baharu buat laksamana. Beberapa hari yang lalu anakanda beta bermain kuda permainan dalam taman berhampiran telaga tahi. Entah bagaimana, kuda itu pun terjatuhlah ke dalam telaga tahi.

Maka datanglah segala orang tiada juga yang sanggup menyelamatkan, sehinggalah laksamana datang menghampiri dan rela menyelamatkan kuda permainan yang jatuh ke dalam telaga tahi. Atas rasa terhutang budi itu, beta sudah berjanji mahu membuat sepersalinan buat laksamana mengganti baju yang sudah tidak boleh disarungpakai lagi. Sebab itu, Patih Kerma Wijaya melihat beta memegang anggota badan laksamana, sedangkan sebenarnya beta sedang mengambil ukuran untuk diperbuat sepersalinan. Seperkara lagi, mungkin melalui jendela, kelihatan kami berdua sahaja, sedangkan dua orang dayang turut menemani, mencatat ukuran yang beta sebutkan. Oh ya, tuanku raja sendiri maklum akan perkara ini yang sedang menikmati kopi di meja santapan dalam kamar peraduan.”

Bendahara pun bersuara menyambung bait-bait kata permaisuri Teja, “Wahai laksamana Hang Tuah yang terhormat, berdasarkan penghujahan permaisuri Teja, berkemungkinan laksamana ingin menyampaikan sesuatu bagi membela diri sendiri.”

“Benar apa yang dikatakan tuanku permaisuri. Patik tiada sebarang niat jahat terhadap permaisuri, apatah lagi mengkhianati kepercayaan yang diberikan baginda raja selama ini.”

“Ampun, tuanku. Izinkan patik bertanya, adakah benar tuanku juga ada di dalam kamar peraduan ketika permaisuri Teja sedang mendapatkan ukuran anggota badan laksamana untuk diperbuat persalinan?” Bendahara bersuara.

“Ya, beta juga berada di dalam kamar peraduan ketika itu bersama dua orang lagi dayang yang mencatat segala ukuran yang

“Beta kira, masalah ini sudah ke penghabisan. Syukur, Tuhan melorongkan sejalur cahaya pedoman menyuluh sebuah kebenaran. Perlakuan yang sungguh memalukan sebagai seorang menteri dan juga pegawai istana. Laksamana Hang Tuah, beta berikan kuasa kepada laksamana untuk menjatuhkan sebarang hukuman yang dirasakan layak untuk Patih Kerma Wijaya dan yang lain-lainnya.”

disebut permaisuri Teja. Beta masih celik akan hukum-hakam serta pantang larang agama, tetapi sengaja beta tidak mencelah sedari awal Patih Kerma Wijaya mempersembah kisah. Beta sebolehnya mahu setiap daripada nama yang disebutkan diberikan kesempatan menyampai rasa.”

“Ampun, tuanku. Sebenarnya sudah terang lagi bersuluh. Patih Kerma Wijaya hanya tersalah membuat tafsiran. Tiada sebarang yang meragukan setelah patik mendengar butir bicara penjelasan seorang demi seorang.”

Ketika bendahara sudah menyatakan keputusan pengadilan, muncul pula seorang pegawai istana mengadap tuanku raja.

“Ampun tuanku, beribu ampun. Patik ini sekadar mahu memaklumkan. Tidak tergambar seksanya patik di penghujung kehidupan, tidak tergambar juga akan patik apakala diseksa di alam sana. Patik tidak mahu menanggung dosa ini berlama-lama. Sebenarnya, patik antara

sekalian pegawai dan menteri yang dimaksudkan. Jalur ceritera yang sebenarnya bermula dengan ketidakpuasan kami pada laksamana Hang Tuah yang selalu dipuji tuanku. Rasa ketidakpuasan ini kami tanggung terlalu lama sejak menjadi pegawai serta menteri di bawah pemerintahan nenda tuanku. Kami berasa sangat iri hati akan laksamana Hang Tuah, sehingga membawa kami kepada pertemuan dengan Patih Kerma Wijaya. Setelah meluahkan segalanya, Patih Kerma Wijaya yang senada dengan kami merencana sesuatu untuk menjatuhkan laksamana Hang Tuah. Kepada laksamana Hang Tuah, ampunkanlah patik. Patik tidak mahu menjadi ahli neraka dan hidup di dunia dalam renungan kebencian Tuhan. Ampun, tuanku.”

“Beta kira, masalah ini sudah ke penghabisan. Syukur, Tuhan melorongkan sejalur cahaya pedoman menyuluh sebuah kebenaran. Perlakuan yang sungguh memalukan sebagai seorang menteri dan juga pegawai istana.

Laksamana Hang Tuah, beta berikan kuasa kepada laksamana untuk menjatuhkan sebarang hukuman yang dirasakan layak untuk Patih Kerma Wijaya dan yang lain-lainnya.”

“Ampun, tuanku. Sesungguhnya, memaafkan itu perkara yang sungguh mulia dalam ajaran agama. Berkasih sayang sesama insan sangatlah dituntut dalam membina sebuah kerukunan dalam hidup bermasyarakat. Teringat patik pada sepotong ayat 77 surah *al-Qasas* yang bermaksud, Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

“Laksamana Hang Tuah memaafkan mereka atas fitnah yang diperbuat mulut-mulut mereka? Bagaimana pula dengan hukuman kepada mereka?”

“Benar, tuanku. Patik memaafkan segalanya dengan segala rasa keikhlasan dari lubuk hati terdalam. Tuanku, demi kepentingan bersama dan ketamadunan negeri ini juga, patik cadangkan Patih Kerma Wijaya dan yang lainnya dihantar ke hulu negeri ini. Di sana, ada seorang pendeta yang mendiami sebuah perkebunan yang bijak menyusun gurindam, yang pandai mengarang pantun, serta indah suaranya memperdengarkan alunan syair. Belajarlah kesusasteraan daripadanya kerana kesusasteraan mampu memanusiaikan manusia.” **DB**



Pusat Rujukan Persuratan Melayu

Cepat.mudah.tepat
<http://www.dbp.gov.my>

Enjin Carian Persuratan Melayu membolehkan pengguna mencari maklumat yang merangkum perkara yang berikut:

PRPM

- Singkatan untuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
- Maklumat ini merangkum domain seperti kamus dan istilah, panduan, perkhidmatan, artikel, karyawan, puisi, karya, ensiklopedia, buku, dan khidmat nasihat.

Laman Web DBP

- Maklumat ini merangkum maklumat di laman DBP serta laman Bahasa dan Persuratan Melayu.

WWW

- Maklumat ini merangkum maklumat di internet yang dibenarkan oleh DBP.

Kamus dan Istilah

- Maklumat mengenai data kamus, istilah dan bahasa sukuan seperti kata, makna, peribahasa, contoh penggunaan sinonim, antonim, istilah sumber, istilah sasaran, dan lain-lain.

Panduan

- Maklumat mengenai penggunaan bahasa Melayu dengan betul, kesalahan bahasa, penamaan khas, penulisan surat rasmi, lembar bahasa, dasar bahasa, dan lain-lain.

Perkhidmatan

- Maklumat mengenai terbitan buku teks terkini, koleksi dokumentasi Melayu, biografi karyawan, Munsyi Dewan, bimbingan berkarya dan Rakan Dewan.

Artikel

- Maklumat mengenai keratan akhbar, kertas kerja seminar, majalah, buletin, pengenalan asas penerbitan, Gaya Dewan, dan lain-lain.

Karyawan

- Maklumat mengenai Sasterawan Negara, Anugerah SEA Write, biodata karyawan, sumbangan karyawan dan Munsyi Dewan.

Puisi

- Maklumat mengenai puisi Melayu, gurindam, pantun, syair, nazam, seloka, teka-teki, mantera, teromba, dan lain-lain.

Karya

- Maklumat mengenai karya terbitan DBP seperti terbitan sastera Melayu terkini, karya klasik agung, cerpen terbaik, dan cerpen remaja popular kini.

Ensiklopedia

- Maklumat mengenai ensiklopedia DBP.

Buku

- Maklumat buku terbitan DBP seperti buku terbaik, sinopsis dan ulasan buku, keluaran terbaharu, kamus keluaran terkini, pengedar buku DBP dan anugerah editor terbaik DBP.

Khidmat Nasihat

- Maklumat mengenai soalan dan jawapan yang telah diberikan dalam perkhidmatan khidmat nasihat DBP.

Enjin Carian

Enjin carian Persuratan Melayu dibina untuk membolehkan pengguna mencari maklumat dalam semua pangkalan DBP secara holistik yang merentas semua jenis penerbitan DBP.

Sasaran Pengguna

Pelanggan web, Staf DBP, Karyawan DBP.

Sasaran Maklumat

Maklumat DBP yang dibenarkan, maklumat dalam laman DBP, maklumat dalam Laman Bahasa dan Persuratan Melayu, maklumat peribadi.

Pertanyaan

Sila hubungi:

Ketua Bahagian Sistem Maklumat

Aras 16, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

e-mel: sulaiman@dbp.gov.my

Telefon: 03-21479595 Faksimile: 03-21479616

Berdasarkan penjelasan dalam ruangan Jejak Peradaban Melayu dalam *Dewan Budaya* keluaran Bil.1 2021 yang bertajuk Mewarisi Warisan Peradaban Melayu, pada kali ini saya cuba membuat penjelasan tentang pengertian jejak peradaban Melayu berdasarkan pengalaman dan menurut *Kamus Dewan Perdana*. Pandangan ini mengikut kaca mata dan naluri, serta pemikiran sebagai anak Melayu yang dirasai di bumi

Melayu-Nusantara, khususnya di Malaysia.

Dalam usaha untuk menghayati jejak warisan peradaban Melayu, sewajarnya kita memahami hasrat dan maksud gagasan yang berpandukan kepada petua “5M”, iaitu mengenali, mempelajari, memahami, mengamalkan dan menyebarkan kepada masyarakat.

Kita wajar mengenali erti jejak peradaban Melayu dan diikuti

mempelajarinya mengikut proses pembelajaran dan pengalaman dalam kehidupan harian.

Bagi menjelaskan pengertian jejak peradaban Melayu, berdasarkan *Kamus Dewan Perdana*, “jejak” bererti bekas tapak kaki atau bekas laluan orang. Hal ini merujuk kepada perbuatan, pekerjaan dan sebagainya yang pernah dilakukan oleh orang lain. Erti “jejak” dalam rencana ini ialah kisah perjalanan hidup berteraskan

Makna Jejak Peradaban Melayu





Malay Archipelago, Kepulauan Melayu.

pemikiran geobudaya yang berlatarbelakangkan asal usul dan susur keturunan di bumi Melayu-Nusantara yang diiktiraf sebagai wilayah orang-orang Melayu. Bangsa Melayu pula terdiri daripada pelbagai suku etnik yang memperkayakan warisan bangsa Melayu dengan mewarisi peradaban beraras tinggi, seperti di Eropah, Arab, China dan India.

Peradaban Melayu mewarisi kehidupan yang berbudaya tinggi meliputi negeri-negeri yang wujud di wilayah rumpun Melayu. Namun begitu, terdapat negeri Melayu ini yang sudah bertukar wajah berdasarkan pemikiran dan perjuangan geopolitik, tetapi masih mengekalkan status dan mengamalkan warisan budaya Melayu berteraskan Islam, seperti di Thailand, Myanmar, Filipina, Kemboja, Vietnam dan Singapura.

Bagi menyelami jejak peradaban Melayu, hal ini hendaklah dilihat berdasarkan proses mengenali dan memahami serta berdasarkan pengalaman hidup melalui didikan, amalan dan kematangan berfikir. Semoga kita mengerti jejak yang kita lalui untuk memahami maksud peradaban. Sememangnya sejak dari kecil lagi, kita tidak didedahkan dan dididik dengan

perkataan peradaban atau tamadun. Bagi saya, perkataan peradaban hanya didedahkan dan diketahui ketika sudah dewasa, terutamanya ketika melanjutkan pengajian tinggi di universiti.

Walaupun kita tidak mengerti maksud peradaban ketika masih kecil, tetapi kita diperkenalkan dengan ungkapan harian yang digunakan sebagai satu budaya atau amalan yang baik daripada ibu bapa, masyarakat dan guru di sekolah. Amalan tersebut dapat dilihat dengan kelakuan bersopan santun dan berbudi bahasa yang dididik oleh ibu bapa, guru dan sebagainya.

Dalam hal ini, kita telah didedahkan dengan maksud peradaban sejak kecil lagi melalui amalan kehidupan harian yang baik berdasarkan nilai murni daripada ibu bapa, keluarga dan guru. Hal ini menunjukkan bahawa proses kehidupan kita yang berpandukan amalan dan tingkah laku ibu bapa dan masyarakat sekeliling telah menjadikan kita sebagai manusia yang terarah untuk menjalani jejak kehidupan sejak kecil lagi. Kita dilatih untuk menjiwai nilai murni berdasarkan latar belakang dan didikan keluarga, masyarakat dan pegangan agama yang menjadi panduan kehidupan kita.

Perkataan peradaban atau “adab” pula berasal daripada bahasa Arab dan Parsi. Perkataan ini membawa erti akhlak, iaitu tingkah laku dan tutur kata yang baik dan sopan yang menjadi budaya sesuatu masyarakat. Di samping itu, adab juga membawa makna cara atau peraturan yang baik dan betul bagi melakukan sesuatu, seperti adab lahiriah ketika membaca al-Quran adalah dengan berwuduk, membaca bismillah, membaca dengan lambat dan tenang, serta menurut hukum tajwid. Adab juga dapat dilihat melalui adab menjadi tetamu, menerima tetamu dan sebagainya.

Selain itu, lahir pula perkataan “beradab” yang membawa erti berakhlak, bertingkah laku dan bertutur dengan baik dan sopan. Beradab juga membawa makna maju dalam tingkat kehidupan dari segi fizikal, mental dan rohani. Sebagai misalnya, cara yang beradab untuk menyapa hakim dalam bahasa Melayu ialah dengan menggelarnya “Yang Arif” dan bersopan dalam tutur kata.

Melalui perkataan “adab”, maka lahirlah satu perkataan yang terkenal dan menjaga gagasan dan warisan bangsa Melayu yang dikenali sebagai “peradaban”. Peradaban membawa erti keadaan

atau tingkat kehidupan yang maju dari segi fizikal, mental dan rohani. Hal ini turut sama erti dengan bertamadun, iaitu akal menjadikan manusia makhluk yang berperadaban dan berkebudayaan.

Melayu pula merupakan satu bangsa di dunia yang terdiri daripada pelbagai suku etnik yang mempunyai sejarah dan warisan sosiobudaya, dialek tempatan atau daerah yang memperkayakan kata-kata dalam bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang besar di wilayah rumpun Melayu. Menurut *Kamus Dewan Perdana*, bangsa membawa erti kelompok manusia yang sama asal usul, bahasa, adat dan ciri-ciri fizikalnya, seperti warna kulit dan rambut. Bangsa merupakan kelompok manusia yang menjadi warga sesuatu negara.

Walau bagaimanapun, menurut Perlembagaan Persekutuan, tidak dijelaskan fizikal bangsa Melayu dari segi warna kulit dan rambut, serta ketinggian. Dalam hal ini, bagi mengiktiraf sejarah dan warisan orang Melayu di tanah tumpah darahnya, Perlembagaan Persekutuan (Perkara 160) memberikan penjelasan dan

mentafsirkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat Melayu.

Dalam usaha kita mengenali jejak peradaban Melayu, saya membuat andaian berbentuk hipotesis berpandukan kepada pengalaman, didikan ibu bapa dan keluarga, serta masyarakat sekeliling. Sejak kecil lagi, kita menerima didikan daripada ibu bapa dan keluarga terdekat, untuk menjadi anak jati yang terdidik dengan ilmu dan perbuatan yang penuh dengan kesopanan dan tatasusila orang Melayu yang mewarisi nilai murni budaya Melayu beraras tinggi.

Dalam hal ini, walaupun orang Melaka terkenal dengan kata-kata yang *kasau*, iaitu berasal daripada perkataan kasar, namun saya bersyukur dididik dan didedahkan dalam lingkungan yang mengamalkan kata-kata yang bersopan santun dan saling menghormati, terutamanya ibu bapa dan orang tua.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu, istilah ibu bapa kerap digunakan dalam usaha mendidik anak-anak sejak kecil sehingga alam

dewasa. Selain perkataan ibu, turut digunakan dan disebut dengan perkataan emak, umi dan mama. Dalam kehidupan harian, perkataan emak dipendekkan dengan sebutan “mak” kerap digunakan. *Kamus Dewan Perdana* menjelaskan bahawa ibu atau emak merupakan perempuan yang melahirkan seseorang dan merupakan sebagai panggilan hormat kepada perempuan, terutamanya yang agak berumur dan telah bersuami, dikenali juga sebagai kaum ibu.

Bapa pula turut disebut dengan perkataan ayah, babah, walid dan papa. Dalam *Kamus Dewan Perdana*, bapa adalah lelaki yang mempunyai pertalian dengan anak yang lahir daripada rahim pasangannya dan satu gelaran kepada lelaki yang mempunyai pengaruh besar dalam sejarah, pengasas sesuatu bidang, seperti disebut bapa kemerdekaan, bapa pembangunan, bapa keamanan dan sebagainya.

Sejak kecil lagi, saya memanggil ayah dengan sebutan babah. Babah merupakan perkataan yang berasal dari Iran. Semasa melawat Iran pada tahun 2018, saya kerap mendengar orang Iran menyebut perkataan babah yang ditujukan kepada orang tua yang dihormati dan berpengalaman.

Walaupun ada dalam kalangan masyarakat yang suka bercakap kasar dan mewarisi perwatakan panas baran, namun saya bersyukur dikelilingi individu yang memiliki sikap dan perwatakan yang tenang, cakap dengan lemah lembut dan tidak menggunakan kata-kata yang tidak sedap didengar. Walau bagaimanapun, kadang-kadang tersasul juga dengan kata-kata yang menunjukkan kemarahan dalam usaha mendidik anak menjadi insan yang berguna dan mewarisi adat serta budaya beraras tinggi.



Perjanjian Kemerdekaan Melayu Raya 1945.

Secara umumnya, Melayu ialah bangsa yang berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam di Malaysia. Orang Melayu terdiri daripada bangsa asal yang mendiami negara Malaysia, Brunei, Singapura dan lain-lain dalam lingkungan Kepulauan Melayu. Bahasa yang digunakan oleh orang Melayu termasuk dalam keluarga bahasa Malayo-Polinesia dan bahasa Austronesia yang menjadi bahasa rasmi di Malaysia, Brunei dan satu daripada bahasa rasmi di Singapura.

Pelbagai istilah dan perkataan yang digunakan berkaitan dengan Melayu, seperti Melayu Baru, Melayu Brunei, Melayu Sarawak dan lain-lain. Bagi asal usul Melayu pula, istilah yang digunakan antaranya termasuklah Melayu-Deutro, Melayu-Proto, Melayu Raya dan sebagainya. Istilah Melayu Baru menggambarkan orang Melayu yang berilmu, berani menghadapi cabaran dan bersaing tanpa bantuan, Melayu Brunei pula menggambarkan orang Melayu Brunei Darussalam dan keturunannya yang tinggal di Sabah, seperti daerah Sipitang, Papar dan Labuan, dan di bahagian utara Sarawak, seperti daerah Limbang dan Miri. Melayu Sarawak pula dikenali sebagai orang Sarawak berbangsa Melayu dan bahasa yang dituturkan dikenali sebagai bahasa Melayu Sarawak.

Selain itu, wujud juga istilah “memelayukan” atau “dimelayukan” yang menggambarkan ciri Melayu. Manakala perkataan “pemelayuan” pula bermakna proses atau perbuatan memelayukan sesuatu, dan “kemelayuan” ditafsirkan sebagai ciri atau sifat yang memperlihatkan keperibadian orang Melayu seperti gerak silat, kostum dan latar belakang pentas.

Di samping itu, terdapat juga istilah berbentuk dasar dan konsep yang berkaitan asal usul Melayu, seperti Melayu-Deutro yang dikenali sebagai kumpulan kedua orang Melayu dari Yunan yang datang ke Asia Tenggara, yang dikatakan menjadi nenek moyang kepada orang Melayu hari ini. Ada pula yang menyatakan bahawa kawasan pesisiran pantai menjadi penempatan orang Melayu-Deutro.

Istilah Melayu-Proto merupakan kelompok orang asli yang banyak persamaan adat resam dan kebudayaannya dengan orang Melayu yang tinggal di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Pada zaman yang lampau, New Guinea dan Australia sudah mula didiami oleh penduduk asal yang berketurunan Melayu-Proto. Kelompok ini terbahagi kepada enam suku kaum, iaitu Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan. Orang Melayu purba pula merujuk kepada kumpulan orang Neolitik terawal datang ke Asia Tenggara, dan kini membentuk kumpulan orang asli seperti Negrito dan Senoi di Malaysia. Manakala istilah Melayu Raya pula merupakan gagasan untuk menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia yang dicetuskan oleh Kesatuan Melayu Muda dan diteruskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Konsep rumpun Melayu pula dimulakan dengan perkataan “rumpun” merupakan satu kumpulan yang besar berdasarkan daripada pelbagai maksud. Hal ini dapat dilihat melalui contoh kumpulan tumbuhan yang sama jenisnya, misalnya buluh dan padi, yang tumbuh dalam satu kelompok. Contoh ini dapat dilihat melalui ayat yang menjelaskan bahawa sejarah menunjukkan

bahawa asal usul keturunan Filipina hari ini adalah daripada rumpun bangsa Melayu-Nusantara. Rumpun juga membawa maksud ikatan atau rangkaian, rumpun telinga dan kelompok keluarga yang terdiri daripada seorang ibu, semua anaknya dan cucu daripada anak-anak perempuan.

Berdasarkan perkataan “rumpun” yang bermaksud satu kelompok atau kumpulan yang sama, rumpun juga dapat dikaitkan dengan sebuah negara mengikut kaca mata geobudaya yang menjelaskan sesuatu ikatan tanpa sempadan dan tidak berdasarkan pemikiran geopolitik atau pemerintahan sesebuah negara. Hal ini dapat dikaitkan dengan satu warisan sesuatu kumpulan bangsa yang besar yang dinamakan bangsa Melayu dan tidak berdasarkan pemikiran geopolitik, seperti bangsa Indonesia, bangsa Malaysia, bangsa Johor dan sebagainya.

Falsafah di balik perkataan rumpun dapat dipadankan dengan peribahasa “serumpun bagai serai, seliang bagai tebu” yang membawa maksud bersatu hati dalam segala hal. Padanan ini bercanggah dengan peribahasa “menebas buluh serumpun”, iaitu satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang merosakkan nama baik keluarga. Dalam hal ini, rumpun yang dimaksudkan ialah perlu bersefahaman dengan kekuatan bersama dan berpegang kepada gagasan keserumpunan berdasarkan bangsa Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui contoh yang menyatakan bahawa orang Melayu Malaysia dan orang Melayu Brunei walaupun memiliki keserumpunan, pada hakikatnya memperlihatkan juga kelainan yang tersendiri dan unik sifatnya. **DB**

SEPERTI YANG DINYATAKAN SEBELUM INI, PEDANG MERUPAKAN SATU DARIPADA WARISAN PERADABAN MELAYU YANG PENTING DAN SERING DISEBUT DALAM HIKAYAT MELAYU LAMA. MELALUI INISIATIF *MALAY CONCORDANCE PROJECT* (MCP), DIDAPATI BAHAWA PERKATAAN “PEDANG” DISEBUT LEBIH DARIPADA 3000 KALI DALAM MANUSKRIP, HIKAYAT DAN SYAIR MELAYU KLASIK. PEDANG JUGA DIJADIKAN SEBAGAI REGALIA BAGI RAJA-RAJA MELAYU DAN YANG DI-PERTUAN AGONG. KERABAT DI NEGERI SEMBILAN DAN NEGERI-NEGERI LAIN MASIH MENYIMPAN PEDANG WARISAN MEREKA HINGGA KINI. MUZIUM JUGA ADA MENYIMPAN CONTOH PEDANG MELAYU LAMA.

Pedang Melayu

ADAKAH MASIH RELEVAN?

Namun begitu, adakah pedang masih relevan dalam dunia kini? Apakah signifikan pedang pada alaf ini? Sejarah membuktikan bahawa pedang masih digunakan oleh orang Melayu untuk membela agama, bangsa dan tanah air hingga abad ke-20. Sekitar tahun 1940-an, Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar, telah menitahkan 100 bilah pedang belut Pahang ditempa dan diserahkan kepada para pembesar dan penghulu di Pahang untuk menentang pihak komunis. Pada tahun-tahun tersebut juga, gerakan Selempang Merah turut menggunakan pedang dalam perjuangan mereka. Bahkan pada tahun 1969, orang Melayu turut menggunakan pedang ketika konflik perkauman pada 13 Mei.

Walau bagaimanapun, selepas itu, pedang Melayu semakin hilang ditelan arus zaman. Ilmu tentang pedang juga semakin terhakis. Tidak banyak perguruan silat yang menggunakan pedang dan mengkhususkan penggunaan pedang sebagai senjata utama mereka. Pedang hanyalah sebagai sebahagian daripada silibus

mata pelajaran sesetengah perguruan, dan ada juga perguruan yang telah hilang seni berpedangnya. Maka itu, terhasil pelbagai permainan pedang yang merupakan aplikasi daripada teknik permainan senjata lain, seperti golok dan parang. Tidak kurang juga ada perguruan yang mengambil sistem permainan pedang daripada sumber asing dan mengasimilaskannya ke dalam silibus mata pelajaran masing-masing. Bagi sesetengah perguruan lain pula, seni pedang hanya digunakan sebagai bentuk tarian dan hiburan. Ada juga perguruan yang mereka cipta permainan pedang yang tersendiri.

Secara umumnya, seni permainan senjata terbahagi kepada empat kategori, iaitu seni permainan warisan perguruan, seni permainan yang diambil oleh guru perguruan tersebut, seni permainan yang merupakan “sambungan kepada tangan” pengamalannya, dan seni permainan yang bulat-bulat divedok daripada sumber lain.

Seni permainan warisan perguruan seharusnya mempunyai

kaedah, falsafah dan sistem pelajaran atau silibusnya yang lengkap, khusus dan tersendiri. Seni tersebut telah diwarisi daripada seorang guru kepada guru yang berikutnya. Setiap guru mungkin juga akan menambahkan seni permainan tersebut bersesuaian dengan keperluan semasa. Seni permainan senjata warisan ini kebiasaannya menjadi senjata utama bagi perguruan tersebut.

Bagi kategori kedua, iaitu seni permainan yang diambil atau diasimilasi oleh guru atau perguruan, kebiasaannya menggunakan senjata yang bukan daripada perguruan tersebut, dan tidak mempunyai kaedah, falsafah dan sistem pelajaran yang lengkap. Senjata ini biasanya dalam kategori senjata simpanan atau senjata pendua. Pelajarannya juga dikhaskan kepada murid-



Penulis membentangkan kajian ilmiah tentang pedang Melayu.

murid lama atau orang kanan kepercayaan guru tersebut.

Permainan senjata “sambungan kepada tangan” pula merujuk kepada senjata yang tidak ada dalam sistem pelajaran perguruan tersebut. Namun begitu, senjata ini hanyalah sebagai alat atau tambahan kepada anggota pengamalannya. Pada kebiasaannya,



Muaz Omar.



Haji Rosdan Abdul Manan.



Profesor Jak Othman.



Penerangan tentang seni pedang Melayu kepada pelajar dan pensyarah universiti dari Amerika Syarikat.

perguruan ini tidak mempunyai silibus atau sistem pelajarannya yang sebenar, tetapi sebaliknya hanyalah sebagai tambahan atau aplikasi kepada sistem yang sedia ada. Seni permainan senjata ini diamalkan oleh ahli bela diri tangan kosong yang tidak mempunyai permainan senjata, tetapi mengadaptasi senjata kepada sistem tangan kosong yang asal.

Seterusnya, kategori yang keempat ialah permainan yang divedok bulat-bulat daripada perguruan atau sistem yang lain. Walaupun tidak beretika, namun masih terdapat individu atau perguruan yang mengamalkannya. Sistem permainan senjata ini kebiasaannya tidak kemas, nampak kekok dan tiada falsafah di balik kaedahnya kerana ditiru daripada sumber lain, seperti rakaman video dan seminar pengenalan yang dianjurkan oleh perguruan lain. Kategori ini seharusnya dielakkan oleh sesiapa yang ingin belajar seni bela diri, khasnya yang melibatkan permainan senjata.

Bagi menjawab persoalan sama ada seni pedang masih relevan atau tidak, penulis telah menemuramah beberapa individu daripada pelbagai latar belakang untuk mengetahui pendapat mereka. Satu daripadanya ialah Asmilin Ahmad yang baru melibatkan diri di dalam seni berpedang. Menurutnya, sebelum ini beliau sedar akan kewujudan senjata-senjata Melayu, seperti keris, parang, kerambit dan badik, tetapi kurang pengetahuan tentang pedang. Walau bagaimanapun, beliau mengetahui bahawa pedang merupakan senjata elit para pembesar dan raja-raja Melayu, dan tidak banyak yang mempunyai kemahiran berpedang.

Bagi Asmilin, yang kini berusia pertengahan 40-an, aktiviti berpedang merupakan satu kaedah fisioterapi dan senaman untuk menjaga kesihatan. Selain itu, berpedang juga merupakan satu kaedah disiplin untuk

mempertahankan diri, sama ada berbentuk fizikal mahupun rohani. Beliau berpendapat bahawa seni ini dapat dikembangkan lagi dengan membuka gelanggang latihan sama seperti ketika zaman kegemilangan peradaban Melayu dahulu. Seni ini perlu dipromosikan dengan lebih meluas melalui siaran radio tempatan dan dokumentasi bertulis sebagai rujukan generasi akan datang.

Profesor Dr. Jak Othman, Ketua Fakulti Sains Seni Beladiri di Institute of Physical Science, Culture and Arts Malaysia, berpandangan bahawa pedang berkaitan rapat dengan keluarga diraja dan alam Melayu. Beliau yang telah terlibat dalam seni bela diri selama 50 tahun bukanlah seorang pemedang, tetapi mahir menggunakan sundang dan pelbagai jenis senjata tradisional Melayu yang lain. Menurut beliau, permainan pedang sebagai satu pelajaran seni sangat baik, dan

dapat dijadikan sebagai permainan sukan. Seni berpedang ini dapat dipromosikan melalui video di laman media sosial, artikel bertulis dan juga forum. Profesor Jak Othman merupakan tokoh persilatan yang membawa silat Melayu ke peringkat antarabangsa, dan memiliki anak murid serta gelanggang di Amerika dan Eropah.

Seterusnya, Muaz Umar, seorang perunding hartanah, mula menceburi seni berpedang sejak setahun yang lalu. Beliau pernah melibatkan diri dalam seni bela diri lain sebelum ini mengakui kurang pendedahan tentang permainan pedang, tetapi mengetahui kewujudan pedang dalam alam Melayu. Bagi beliau, pedang merupakan senjata dan pakaian Melayu yang menjadi budaya wajar dikekalkan seperti budaya Melayu yang lain. Beliau berpendapat bahawa seni berpedang ini dapat dikembangkan lagi dengan mewujudkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemedang dan ahli budaya, seperti di setiap majlis keramaian.

Bagi Asmilin, yang kini berusia pertengahan 40-an, aktiviti berpedang merupakan satu kaedah fisioterapi dan senaman untuk menjaga kesihatan. Selain itu, berpedang juga merupakan satu kaedah disiplin untuk mempertahankan diri, sama ada berbentuk fizikal mahupun rohani.

Haji Rosdan Abdul Manan pula merupakan seorang jurulatih memanah yang telah terlibat dengan seni permainan pedang selama tiga tahun. Beliau yang bekerja sebagai seorang pengurus turut berpendapat bahawa pedang merupakan senjata penting dalam peradaban Melayu. Beliau menganggap pedang masih relevan pada masa ini kerana masih digunakan dalam seni bela diri dan sukan. Maklumat, demonstrasi dan keunikan seni pedang perlu ditonjolkan untuk menarik minat generasi kini

kepada seni berpedang. Pelbagai manfaat dan kebaikan yang dapat diraih melalui aktiviti berpedang perlu diketengahkan. Minat yang mendalam terhadap ilmu pedang hanya dapat disemai dengan adanya pemahaman dalam bidang tersebut. Menurut beliau lagi, keterujaan sahaja tidak mencukupi kerana hanya bersifat sementara.

Sebagai kesimpulannya, seni dan ilmu berpedang masih relevan hingga kini kerana mempunyai banyak kelebihan, sama ada dari segi fizikal, rohani, budaya dan keilmuan. Seni berpedang merupakan satu daripada budaya Melayu yang perlu dipulihara, diamalkan dan dikaji kerana merupakan lambang ketinggian peradaban Melayu. Keaslian ilmu berpedang ini harus dipelihara demi memelihara kesinambungan dan integritinya. Kaedah dokumentasi yang sistematik perlu dipraktikkan supaya seni peradaban Melayu ini dapat dirujuk oleh generasi akan datang. Kemajuan sains dan teknologi dalam bidang media komunikasi seharusnya diaplikasikan untuk mempromosikan seni budaya Melayu ini, seterusnya diperkasakan dengan kaedah tradisional untuk membentuk ekosistem budaya berpedang yang mantap. **DB**



Asmilin Ahmad.



Kelas seni pedang di Gelanggang Nara Muallim.

HAGIA SOPHIA, ATAU AYA SOPHIA, SEINDAH NAMANYA, MERUPAKAN TEMPAT TUMPUAN UTAMA YANG MENJADI DAYA TARIKAN PELANCONG DI KOTA ISTANBUL, TURKI. SEBUAH NAMA YANG MEMILIKI SEJARAH YANG SANGAT PANJANG, HAGIA SOPHIA PERNAH MENJADI SATU DARIPADA TEMPAT PALING GEMILANG BAGI ORANG MUSLIM DAN KRISTIAN. ▶





Hagia Sophia

IMPIAN SILAM AL-FATIH MENJADI REALITI

Hagia Sophia, yang bermaksud hikmat Ilahi dalam bahasa Yunani, merupakan bangunan berbentuk kubah yang terletak di Istanbul. Sebelum ditukarkan menjadi masjid, bangunan ini merupakan sebuah gereja bernama Hagia Sophia yang dibina pada zaman Kaisar Justinian (penguasa Bizantium) pada tahun 558. Arkitek yang mereka bentuk Gereja Hagia Sophia ialah Anthemios of Tralles dan Isidore of Miletus.

Ketekungan mereka dalam pembinaan Hagia Sophia menunjukkan simbol ketinggian seni bina Byzantine. Kedua-dua arkitek itu membina Gereja Hagia Sophia dengan konsep baharu. Hal ini dilakukan setelah Bizantium mengenali bentuk kubah dalam seni bina Islam, terutama dari wilayah Syria dan Parsi. Kelebihan praktikal bentuk kubah yang dibangunkan dalam seni bina Islam disebabkan oleh diperbuat daripada batu bata yang lebih ringan, berbanding siling kubah Kristian di Roma yang diperbuat daripada konkrit tebal dan berat, serta mahal.

Keterujaan penulis ini untuk berkongsi kembara ke Hagia Sophia semakin bertambah apabila mendapat khabar gembira bahawa Hagia Sophia kembali dinobatkan sebagai masjid oleh mahkamah Turki. Pengisytiharan Hagia Sophia sebagai masjid diraikan di seluruh Turki pada 10 Julai 2020. Rakyat Turki menyambut berita gembira ini dengan titisan dan linangan air mata. Mereka bertakbir dan mengibarkan bendera Turki di luar bangunan ini. Mereka berasakan bahawa Islam mendapat kemerdekaan secara menyeluruh dengan semangat baharu.

Yang menariknya, seluruh dunia turut merayakan kejayaan pengisytiharan ini. Hal ini seolah-olah mengembalikan kegemilangan Istanbul dalam denyut nadi yang baharu. Ketika Istanbul dibuka pada tahun 1453, kota ini merupakan lambang kebangkitan bangsa Islam Turki. Kini, kegemilangan itu berlaku sekali lagi.

Malah, kejayaan Recep Tayyip Erdogan, Presiden Turki, mengembalikan Hagia Sophia sebagai sebuah masjid seolah-olah mengembalikan impian Al-Fatih untuk meletakkan Hagia Sophia dalam kedudukan yang tepat. Ketika Al-Fatih, atau Sultan Muhammad II Murad II, berjaya menakluki kota ini pada 27 Mei 1453, baginda turun daripada kudanya dan bersujud. Pada hari Jumaat, atau tiga hari setelah penaklukan, Hagia Sophia segera digunakan untuk solat Jumaat secara berjemaah. Sekali lagi, situasi ini dikembalikan pada zaman Erdogan.

Menelusuri Hagia Sophia seakan-akan menelusuri ketamadunan Islam lampau dengan pertembungan nilai dan tradisi daripada zaman yang berbeza. Perasaan kagum tidak pernah luput daripada rasa hati penulis ini. Terlalu banyak yang hendak diceritakan sehingga tidak tahu cara hendak dimulakan. Perjalanan ke Hagia Sophia dari tempat menginap tidaklah jauh, cukup untuk memanasakan badan dalam cuaca yang sejuk di Istanbul pada ketika itu. Penulis sudah

menetapkan dalam hati bahawa tempat sejarah yang dinobatkan dalam warisan sejarah UNESCO ini harus dilawati dan dijejaki.

Penulis dan sahabat, Dib, melangkah ke Hagia Sophia sudah agak lewat. Kira-kira satu jam sebelum ditutup.

Malah, ketika kami melangkah ke pintu masuk Hagia Sophia, kami merupakan tetamu terakhir pada hari itu sebelum polis dan penjaga keselamatan menutup laluan kepada orang awam. Setelah membayar 100 lira, kami dibenarkan masuk. Pada ketika itu waktu sudah menghampiri pukul empat petang dan cuaca agak sejuk.

Kami memulakan lawatan ke Hagia Sophia di pintu masuk utama. Melihat ukiran di masjid itu menyebabkan kami terpesona dan terpaku seketika untuk menikmati saat itu. Kekaguman kami semakin bertambah apabila menyaksikan tiang-tiang batu kukuh, pintu besar yang tinggi yang diperbuat daripada kayu dan besi. Kayunya sangat tebal dan ada sendal penyelak dari dalam yang dianggarkan perlu diangkat oleh lebih 10 orang lelaki. Lantai yang dibina menggunakan batu asli; sudah tentu penulis ini tidak pasti jenisnya.




Pintu Hagia Sophia diperbuat daripada kayu dan besi.




Tempat pembaptisan yang masih kekal hingga kini.

- Melangkah ke dewan utamanya, jelas terpapar
- pelbagai ukiran kaligrafi tulisan Al-Quran, ada
- mimbar khas untuk imam, ada ruang berwuduk,
- serta ruang muazin melaungkan azan yang dibina
- khas agar azan yang dilaungkan dapat didengar di
- serata ceruk Istanbul. Gantungan lampu candelier
- yang banyak memberikan kesan kemilau
- kegemilangan tamadun yang bercampur
- antara seni bina Islam dengan
- Eropah.

- Di sini, masih ada loceng
- yang besar dipamerkan, jelas
- sekali loceng tersebut diukir
- dengan tanda salib dan
- patung sebagai tempat
- pembaptisan, memberikan
- tanda bahawa
- Hagia Sophia
- juga merupakan
- gereja.



Penulis bergambar kenangan di hadapan Hagia Sophia.



Loceng yang masih jelas tanda salibnya.



Keunikan lampu candelier dan ukiran kaligrafi di bahagian siling menggambarkan kegemilangan tamadun Islam dan Eropah.

Gabungan ini jelas memperlihatkan bukti lampau peninggalan dua tamadun yang penuh dengan rahsia yang sukar diucapkan. Jelas sekali, ruang utama tersebut memiliki sejarah yang menggambarkan sebuah gereja dan masjid sebelum ini, sebelum dijadikan sebagai muzium, dan kini kembali menjadi masjid.

Kedudukan Hagia Sophia sangat hampir dengan Masjid Biru yang juga tidak jauh dari situ. Dalam ini, bertepatanlah jikalau Hagia Sophia juga akan menjadi mercu tanda besar kepada umat Islam. Di ruang utama, terdapat mimbar-mimbar yang menempatkan ruang solat untuk iman, simbol besar kaligrafi Allah dan Muhammad tergantung tinggi di kedua-dua belah ruang solat. Ketika penulis ini tiba di sini, sebahagian Hagia Sophia masih dalam proses penambahbaikan dan ada tempat yang tidak dibenarkan masuk.

Kami dapat melihat gabungan konsep seni bina Rom dan Byzantine dengan jelas pada kubah Hagia Sophia. Meskipun sebahagian bangunan ini pernah musnah ketika berlakunya gempa bumi, namun keunikan bangunan ini tetap utuh dan dibina kembali. Mengikut maklumat yang ada di situ, bangunan gereja ini roboh beberapa kali dalam gempa bumi, kemudian dibina semula. Ketika Gereja Hagia Sophia diubah menjadi masjid pada tahun 1453, bentuk seni bina tidak dirobuhkan.

Kubah Hagia Sophia yang melambung tinggi dari zaman Bizantium masih kekal hingga sekarang, namun penampilan bentuk luar bangunan kemudiannya dilengkapi dengan empat menara. Ketika zaman Al-Fatih, satu menara dibina di bahagian selatan bangunan ini. Manakala, ketika zaman Sultan Salim II, sebuah menara lain dibina

di bahagian timur laut. Ketika era pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah, beberapa pengubahsuaian dan perubahan dilakukan pada bangunan Hagia Sophia agar sesuai dengan gaya bangunan masjid.

Pada zaman Sultan Murad III, pembahagian ruang disempurnakan dengan mengubah bahagian masjid yang masih bercirikan gereja. Hal ini termasuklah menggantikan tanda salib di bahagian atas kubah dengan hiasan bulan sabit dan menutupi hiasan asli yang pada awalnya terdapat di Gereja Hagia Sophia dengan tulisan kaligrafi Arab. Altar dan perabot lain yang dianggap tidak perlu juga dibuang. Begitu juga dengan patung-patung dan lukisan yang telah dikeluarkan atau ditutup dengan cat. Setelah itu, selama hampir 500 tahun bangunan bekas Gereja Hagia Sophia berfungsi sebagai masjid.

Perubahan drastik berlaku semasa pemerintahan Mustafa Kemal Ataturk pada tahun 1937. Penguasa Turki daripada kumpulan Muslim nasionalis melarang penggunaan bangunan Masjid Aya Sofia (Hagia Sophia) untuk mendirikan solat dan mengubah fungsi masjid menjadi muzium. Mereka secara besar-besaran memulakan projek pembongkaran Masjid Hagia Sophia dengan sebilangan reka bentuk dan ciri bangunan yang bercirikan Islam diubah menjadi gereja. Tidak hairanlah Hagia Sophia atau Aya Sophia menjadi bangunan muzium yang tercantik dan teragung di dunia.

Pada hari Jumaat, 10 Julai 2020, pada kala pandemik COVID-19 masih melanda Turki, menjadi hari bersejarah bagi Turki dan dunia. Mahkamah Tinggi Turki telah membatalkan perintah Ataturk pada tahun 1934 bahawa bangunan Hagia Sophia sebagai masjid diubah statusnya menjadi muzium. Janji Erdogan pada tahun 2019 dengan mengatakan bahawa akan mengembalikan Hagia Sophia sebagai masjid, kini berjaya ditunaikan. **DB**



MANSOR PUTEH MERUPAKAN PENGARAH, PENULIS DAN PENGKRITIK FILEM. DILAHIRKAN PADA 7 OKTOBER 1953 DI MELAKA, BELIAU MENDAPAT PENDIDIKAN AWAL DI ST. FRANCIS INSTITUTION DI JALAN BANDAR HILIR, YANG KINI DIKENALI SEBAGAI JALAN PARAMESWARA. BELIAU KEMUDIANNYA MELANJUTKAN PELAJARAN TINGKATAN ENAM DI KOLEJ SWASTA, IAITU MALAYSIAN TUTORIAL COLLAGE DI PETALING JAYA, SEBELUM MENYAMBUNG PELAJARAN DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA PADA TAHUN 1974 HINGGA 1977.

Di Institut Teknologi MARA, Mansor Puteh mengikuti pembelajaran dalam bidang komunikasi massa. Pada tahun 1977, beliau mendapat tempat untuk menyambung pengajiannya pada peringkat sarjana dalam bidang pengarah filem di Columbia University, New York, Amerika Syarikat, untuk sesi kemasukan musim luruh.

Walau bagaimanapun, permohonan biasiswa penuh daripada Majlis Amanah Rakyat oleh Mansor Puteh untuk menyambung pengajian di Columbia University tidak diluluskan. Hal ini memaksa beliau untuk bekerja di Utusan Melayu pada ketika itu sebagai wartawan sebaik sahaja beliau menamatkan pengajian dari Institut Teknologi MARA, iaitu di tempat beliau pernah membuat latihan amali selama setahun di situ.

Selepas selama setahun beliau bekerja di Utusan Melayu, Mansor Puteh akhirnya berjaya mendapatkan pinjaman pelajaran MARA untuk membolehkan beliau



Poster pameran.

diterima kembali mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Seni Halus dan Pengarahan Filem di University Columbia, New York pada tahun 1978 hingga 1982, yang menjadi impian beliau selama ini.

Pameran “Semasa di Mara dan Columbia” ini merupakan rakaman visual perjalanan Mansor Puteh berkelana hampir 10 tahun, dari Shah Alam ke New York, menerusi lensa fotografi. Sebanyak lebih 80 buah fotografi dan 40 buah lakaran terpilih dalam pameran ini

mendokumentasikan diri beliau sebagai pelajar Institut Teknologi MARA dan Columbia University.

Pameran yang diadakan bermula 13 Disember 2020 hingga 13 Januari 2021 di Balai Seni Negara Langkawi ini diselenggarakan oleh Faizal Sidik dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama memperlihatkan 60 buah karya,



“Semasa Mara dan Columbia”

SEBUAH RAKAMAN PERJALANAN MANSOR PUTEH KE KOTA NEW YORK

iaitu 20 lakaran dan 40 fotografi yang dipamerkan di aras bawah galeri. Lakaran dakwat atas kertas ini dilukis secara spontan oleh beliau semasa menuntut di Institut Teknologi MARA.

Antara subjek lakaran Mansor Puteh termasuklah landskap dan seni bina kampus, ruang dalaman bilik kuliah, sehinggalah subjek yang agak peribadi, seperti ruang dalaman dan perabot bilik asrama seperti katil, almari dan meja belajar. Lakaran secara bersahaja Mansor ini bukan sahaja mengimbau kembali memori individu yang pernah menyambung pengajian di Institut Teknologi MARA, tetapi turut mengimbau memori silam pelajar yang pernah tinggal di asrama di sekitar kampus. Hal ini dikatakan demikian kerana suasana dan keadaan di asrama pada ketika dahulu tidak jauh bezanya dengan situasinya pada hari ini.

Sebanyak 40 buah fotografi yang terpilih dalam pameran ini merupakan foto yang dicetak di atas kertas

akhbar. Apabila melihat gambar hitam putih oleh Mansor Puteh pada permukaan kertas tersebut, seolah-olah kita sedang melihat foto yang berada di dada akhbar harian pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pengalaman beliau menjadi wartawan akhbar *Utusan Melayu* sebelum ini mencetuskan penggunaan permukaan ini. Penggunaan bahan ini seakan-akan ingin memberitahu keakraban dunia penulisan dengan foto visual sebagai sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Beliau cuba mengatakan bahawa teks tanpa imej adalah buta, manakala imej tanpa teks adalah bisu.

Dalam bahagian ini, kurator dalam pameran menyusun foto mengikut kronologi, misalnya foto-foto dimulakan dengan gambar perjalanan awal beliau menyambung pengajian di Institut Teknologi MARA di Shah Alam, suasana bilik kuliah dan bilik asrama. Beliau dan rakan sempat



20 lakaran dan 40 fotografi karya Mansor Puteh dipamerkan di Balai Seni Negara Langkawi.



mewawancara Sudirman Haji Arshad yang pada masa itu sedang mengikuti Pengajian Undang-Undang di Universiti Malaya. Foto ini merupakan foto terawal di ambil ketika Allahyarham terlibat dalam dunia hiburan menerusi lakonan, iaitu filem *Kami* yang diarahkan oleh Patrick Yeoh.

Di aras satu Balai Seni Langkawi pula menempatkan bahagian kedua koleksi fotografi Mansor Puteh berada di Columbia University, New York. Kurator memilih 60 buah karya di sini dengan meletakkan sebuah karya kolaj besar pada ruang ini, iaitu pemandangan bandar raya New York semasa beliau mula berada di sini. Pameran ini dimulakan dengan 20 buah himpunan sketsa seperti landskap seni bina bangunan Columbia University, suasana rumah sewa dan sebagainya.


Ruang ini juga mempamerkan 40 karya fotografi Mansor Puteh ketika menyambung pengajian di sini, pada tahun 1979 hingga tahun 1982, antaranya termasuklah foto kawasan kampus dan lokasi utama pelawat, seperti World Trade Center yang kini telah tiada lagi. Sepanjang empat tahun di bumi asing, Mansor tidak hanya berada di suatu tempat, malah

berkesempatan melakukan perjalanan merentas negeri di Amerika Syarikat untuk merakam foto jalanan, resit-resit perjalanan, monumen dan arca awam, serta setem tokoh penting Amerika.

Bahagian akhir pameran ini menempatkan gambar tokoh, iaitu potret tujuh Perdana Menteri Malaysia, yang pertama sehinggalah terkini, dengan cetakan kertas akhbar. Sebuah filem dokumentari berdurasi 48 minit yang bertajuk *The Residency Years*, iaitu sebuah dokumentari biografi ketokohan dan perjalanan hidup Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, turut dimainkan sebagai karya video dalam pameran ini

Bahan pameran “Semasa di Mara dan Columbia” dapat dikatakan sebagai karya awal Mansor Puteh. Tempoh masa bermula tahun 1974 hingga tahun 1982 dapat disifatkan sebagai zaman pembentukan kesenimanan Mansor Puteh, iaitu ketika beliau mendapatkan didikan filem secara formal. Hal ini dikatakan demikian kerana

Karya yang dipamerkan digambarkan sebagai zaman pembentukan kesenimanan Mansor Puteh.



beliau terlibat dengan peralihan daripada pengajian media yang umum kepada satu pilihan yang lebih khusus menerusi pengarahannya filem. Fotografi yang dihasilkan oleh Mansor pada tahun tersebut merupakan satu latihan visual yang memiliki ciri-ciri filem, seperti seni mencipta adegan, sinematik dan ton cahaya.

Penulis turut berjaya mengesan foto yang dirakam oleh beliau yang mempunyai pengaruh dalam filem-filem noir, iaitu filem berlatarbelakangkan hitam putih, yang juga dikenali sebagai genre filem gelap, seperti dalam penghasilan filem misteri dan penyiasatan pada sekitar tahun 1940 hingga 1950. Lensa kamera Mansor juga dilihat liar, tetapi terkawal, seperti gerila yang sedang menghendap untuk mendapatkan kesan dramatik dalam setiap tangkapan. **DB**

JOM BELI
BUKU DI



**Ujana
BUKU**
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
MALAYSIA

TEROKAI KHAZANAH ILMU TERBITAN DBP DALAM PELBAGAI BIDANG DAN PERINGKAT PEMBACA.

NANTIKAN KEMUNCULANNYA DI LOKASI BERHAMPIRAN ANDA...

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi:

03 - 41012328 / 41012409

 pp@dbp.gov.my


 <https://www.facebook.com/DBPNiaga>

 <https://niaga.dbp.my>



**DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA
MALAYSIA**

SEMINAR DIGITAL ART MARKET BUKA MINDA MAHASISWA PELUANG KEUSAHAWANAN KREATIF



Seminar Digital Art Market yang diadakan secara dalam talian disertai oleh mahasiswa dari Malaysia dan Indonesia.

Puncak Alam – Kemahiran yang diperlukan dalam industri kreatif selain bakat ialah kemampuan memasarkan produk seni dalam platform yang betul. Justeru itu, selok-belok perniagaan secara dalam talian merupakan cabang ilmu yang perlu dikuasai.

Sehubungan itu, Seminar Digital Art Market telah diadakan pada 27 November 2020 yang lalu disertai oleh para pelajar Program Pendidikan Seni dan Seni Reka Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor. Seminar bertemakan Membangun Pasar Digital Seni Rupa itu dianjurkan oleh Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Surabaya (UNESA) Indonesia. Walaupun pandemik COVID-19 yang masih berlarutan, seminar ini berjaya diadakan secara dalam talian dan disampaikan oleh Najzil Layin, usahawan digital yang berjaya di Indonesia, dan merupakan artis seni visual dengan pengkhususan seni reka grafik.

Dalam seminar tersebut, Najzil berkongsi pengalaman menggunakan platform digital untuk menjual hasil karyanya yang dihasilkan sejak semester dua pengajian dan masih diteruskan sehingga kini. Seminar ini menarik minat lebih daripada 130 peserta yang terdiri daripada mahasiswa pelbagai universiti di Indonesia dan Malaysia.

Teks dan foto: Badrul Isa

HSF PRODUCTION ANGKAT PELAKON VETERAN

Kuala Lumpur – My Asia Empire, atau lebih dikenali sebagai Asia Empire Records, terkenal dengan usaha melahirkan bakat penyanyi yang popular. Setelah beberapa tahun bergiat dalam industri muzik, Asia Empire Records menjalinkan kerjasama dengan Hanif Khan Mohamed Khan dan Rusilawati Hassan, atau lebih dikenali sebagai Sheila Mambo, dan menubuhkan HSF Production (M) Sdn. Bhd.

Majlis pelancaran syarikat yang diadakan pada 30 September 2020 yang lalu dihadiri oleh Pengarah Urusan HSF Production (M) Sdn. Bhd., Dato' Mohammad Faizal Abu Bakar, Hanif Khan dan Sheila. Antara pelakon veteran dan muda terkenal tanah air yang memeriahkan majlis bersejarah itu termasuklah Badrul Muhayat, Lan Zailan, Raja Azmi Sulaiman, Ropie, dan Kapten Amai Kamarudin. Filem pertama terbitan syarikat itu bertajuk *Puteri Gunung Sengkuang* turut diperkenalkan dalam majlis tersebut.



Sidang media pelancaran HSF Production (M) Sdn. Bhd. dan filem *Puteri Gunung Sengkuang* menampilkan Dato' Mohammad Faizal Abu Bakar (tengah), Hanif Khan Mohamed Khan dan Sheila Mambo.

Dato' Mohammad Faizal menjelaskan bahawa syarikat tersebut berusaha memberikan peluang pekerjaan kepada pengarah, penulis skrip, dan pelakon sedia ada serta wajah-wajah baharu untuk memeriahkan lagi industri perfileman Malaysia. Tambah beliau lagi, peluang untuk karyawan muzik juga akan turut terbuka luas menerusi penghasilan runut bunyi asal filem dan drama televisyen yang diterbitkan.

Filem *Puteri Gunung Sengkuang* menampilkan 80 peratus pelakon veteran dan hanya 20 peratus pelakon muda yang berbakat besar. Dato' Mohammad Faizal menyatakan bahawa pihaknya mahu memberikan penghargaan kepada pelakon veteran kerana sumbangan mereka dalam industri perfileman tempatan wajar dihargai.

Teks dan Foto: Raja Yusoff Ariffin

MEMAHAMI HAK ISTIMEWA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM PENTADBIRAN NEGARA

Kuala Lumpur – Jabatan Muzium Malaysia mengadakan program Wacana Muzium Diraja yang bertajuk Prerogatif Yang di-Pertuan Agong Dalam Pentadbiran Negara pada 11 November 2020 yang lalu. Program tersebut menampilkan Profesor Dr. Shamrahayu Ab Aziz sebagai tetamu jemputan dan disiarkan melalui laman Facebook Muzium Diraja Kuala Lumpur.

Program itu diadakan bertujuan untuk menjadikan muzium sebagai gedung ilmu dan destinasi melalui program yang dianjurkan oleh pihak muzium. Penganjurannya pada kali ini memfokuskan kepada hak istimewa yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu untuk memberikan

pengampunan. Raja-raja Melayu berhak memberikan pengampunan kepada sesiapa sahaja atas budi bicara baginda dan mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam perlembagaan dan sistem politik Malaysia. Peranan raja sangat penting untuk mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial di negara ini.

Pihak Jabatan Muzium Malaysia berharap agar program tersebut dapat memberikan pencerahan yang jelas kepada masyarakat tentang hak istimewa Raja-raja Melayu dalam pentadbiran dan politik negara.

Teks dan foto: Muhamad Hakimi Abd Rani



Profesor Dr. Shamrahayu Ab Aziz menjadi tetamu jemputan program Wacana Muzium Diraja yang diadakan di Muzium Diraja Kuala Lumpur.

“KEMAMAN BERTANJAK” KEKALKAN WARISAN



Peserta program “Kemaman Bertanjak” kelihatan segar mengenakan tanjak dengan baju Melayu.

Kemaman – Destar atau tanjak sering dikaitkan dengan kepahlawanan dan kebesaran istana. Kelengkapan ini merupakan aksesori busana warisan Melayu yang masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Sering juga dipanggil sebagai tengkolok, busana lelaki ini sinonim dengan ilmu silat, dan sering dikenakan bersama-sama keris dan kain samping berbaju Melayu. Mutakhir ini terdapat semacam aliran positif pemakaian setanjak dalam acara dan majlis-majlis kebudayaan.

“Kemaman Bertanjak” merupakan satu usaha badan bukan kerajaan di seluruh daerah ini untuk menghidupkan keghairahan

bertanjak. Majlis yang dihadiri pelbagai pertubuhan, antaranya termasuklah persatuan belia, silat, kesenian dan kebudayaan itu mendapat sambutan cukup menggalakkan. Peserta yang hadir dengan busana hebat tampak lebih

gah dengan kelengkapan tanjak di kepala. Ruang Perniagaan Centre Point yang menjadi lokasi program kelihatan seperti suasana pada zaman silam yang cukup klasik.

Antara jenis tanjak yang diperagakan oleh para peserta termasuklah Tanjak Lang Melayang (Terengganu), Tanjak Mumbang Belah Dua (Perak), Tanjak Getam Budu (Pahang), Tanjak Dendam Berahi (Negeri Sembilan), dan Tanjak Tebing Laksamana (Johor). Selain tanjak, program ini turut menganjurkan acara pencak silat, deklamasi puisi pertiwi, serta permainan gendang tradisional penuh adat. Melalui acara seperti ini, masyarakat dapat mendekatkan diri kepada warisan budaya tradisional.

Teks dan foto: Nurimas sn

Adab Melayu

Melayu itu adabnya santun berhikmah tingkah sopan berhemah bagai ungkapan pepatah hidup dikandung adat mati dikandung tanah syarak memayung istiadat hukum bersendikan Kitabullah di mana mukim bertempat di situ langit dijunjung taat di mana periuk berasap di situ nasi dijaga kejam.

Melayu itu adabnya tertib tinggi lakuan elok teliti nilai jiwa pada budi harga diri pada pekerti takkan dijual barang sekali tidak juga dibeli berjuta kali walau darah daging mati makanan tidak diberi binatang di hutan biar dilindungi rapi resam tetap dipertahan hingga kekal abadi.

Melayu itu adabnya mengatasi mercu andai langkah beribu tidak terdengar riuh melulu bak gendang dipalu atau ketukan gong seperti bisings tin kosong pejam yang pertama terkandung erti celik yang kedua

tahu-tahu sudah jadi jika telahan keliru gerak tersandung batu secepat kilat memanjat restu agar jalan berliku kembali lurus menyatu umpama menarik rambut daripada seberkas tepung tidak terputus rambut tidak berserak tepung.

Melayu itu adabnya bukan bayangan tidak pada penglihatan makan dengan tangan duduk bersila-silaan Melayu itu saat juadah dihidang walau perut *puang* akan sudah sebelum kenyang sebelum sendawa angin pasang beralun kencang dari *tembongan* ke kerongkongan.

Daftar kata:

puang – Istilah dalam dialek bahasa Melayu Sarawak yang bermaksud kosong.

tembongan – Istilah dalam dialek bahasa Melayu Sarawak yang bermaksud kawasan perut untuk diisikan makanan.

Basri Abdillah
Kuala Lumpur

Di Ufuk-Mu, Tuhan

Berahi rindu siang
dalam bahasa kasih
mentari
membiru putih awan
di langit bersih
asmaraloka malam
dalam ghairah indah
bulan
terang dipagari bintang
mergastua rimba
malar hijau alam
lestari mentari bulan
di ufuk-Mu, Tuhan!

**Chai Loon Guan,
Tanjung Malim, Perak**

David Fincher, antara pengarah (atau *auteur*) yang ditunggu-tunggu kerana sentuhan gayanya yang inovatif dan segar. Beliau kini kembali ke layar hitam dan putih Hollywood, era 1930-an dan 1940-an, menangkap beberapa episod sejarah pusat perfileman dunia yang penuh kontradiksi dan gemilang itu. Era 1930-an dan 1940-an, iaitu sebelum dan sewaktu Perang Dunia Kedua, merupakan era Zaman Keemasan Hollywood.

Pada waktu inilah, filem Hollywood yang mula bersuara menjelajah ke seluruh dunia, menghasilkan beratus filem setiap tahun, membawa pulangan tinggi kepada setiap studio besarnya, dan diterajui nama-nama bintang yang besar dan berpengaruh hingga sekarang. Awal 1930-an juga merupakan Zaman Meleset ekonomi Amerika Syarikat dan kebangkitan suara sosialisme di Amerika pasca Revolusi Rusia (tahun 1917-1923). Atas pertentangan kuasa dan pengaruh elit kapitalis dengan peningkatan rakyat Amerika yang jatuh muflis di seluruh negara, Herman J. Mankiewicz, pengkritik teater, kemudian penulis skrip

Judul: *Mank*
Tahun: 2020
Pengarah: David Fincher
Lakon layar: Jack Fincher
Para Pelakon: Gary Oldman, Amanda Seyfried, Lily Collins, Arliss Howard, Tom Pelphrey, Sam Troughton dan Charles Dance
Negara: Amerika Syarikat

filem Hollywood, yang berada di tengah-tengah pergolakan itu, berasa bertanggungjawab untuk merakamnya.

Wacana timbul apabila karya yang akan dihasilkan oleh penulis bijaksana ini merupakan karya kesumat dendam peribadinya, ataupun jujur menghasilkan karya yang mengungkapkan hati naluri seorang idealis yang hilang jalan hidupnya.

Di sinilah skrip filem tulisan ayah David Fincher, Jack Fincher, menggariskan titik persoalannya. Jack Fincher merupakan seorang wartawan



yang menulis beberapa skrip filem yang cenderung pada kisah tokoh-tokoh Hollywood. Skrip filemnya tidak berapa dikenali. Skrip filem ini pun telah tergendala difilemkan pada akhir 1990-an, lalu menjadi usaha peribadi David Fincher untuk merealisasikannya, seakan-akan menurut wasiat akhir ayahnya sendiri.

Kisah berlangsung dari sudut Herman J. Mankiewicz (Gary Oldman) pada dua zaman yang berbeza, era “sekarang” 1940-an sewaktu si *wunderkind* seni, Orson Welles (Tom Burke) melantiknya sebagai penulis skrip filem

KARYA BIOPIK SEBAGAI SATU WASIAT

Citizen Kane (1947), dengan zaman “imbas kembali” 1930-an sewaktu Herman (atau nama timangannya, Mank) masih bekerja dengan studio besar Paramount dan MGM, dan mula mengenali jutawan akhbar berpengaruh, William Hearst (Charles Dance) yang menyimpan seorang pelakon wanita yang juga berkawan baik dengan Herman, Marion Davies (Amanda Seyfried).

David Fincher menurut “arahan” ayahnya, dalam hal ini secara literal. Beliau menghidupkan kembali latar dan pesona filem ini dengan persembahan sinematografi Erik Messerschmidt yang berlayar luas *cinemascope* hitam putih dengan runut audio mono. Tokoh-tokoh besar era itu turut dihidupkan, termasuk tauke MGM, Louis B. Mayer (Arliiss Howard), penerbitnya Irving Thalberg (Ferdinand Kingsley) dan adik Mank sendiri, Joseph L. Mankiewicz (Tom Pelphrey), yang kemudiannya menjadi antara pengarah filem terhebat Hollywood.

Kita dapat mengikuti kisah Mank disampaikan pada dua zaman ini secara laluan pusingan, episod demi episod, sehingga pada titik puncak “mengapa” Mank dipaparkan, sanggup mengkhianati rakannya sendiri, William Hearst, mencoretnya sebagai satu imej tragik Amerika moden, Charles Foster Kane dalam *Citizen Kane*.

Mank bukan sahaja melahirkan watak tragik filem Amerika yang akan diingati dalam sejarah filem (disebut sebagai “King Lear moden” oleh penerbit filem itu, John Houseman) tetapi mengetuk kesedaran hati nurani masyarakatnya yang “tersesat” moral dan integritinya sewaktu mengejar impian material, sibuk

mencari-cari nama dan kedudukan dalam dunia kapitalis serba tamak dan tanpa kemaafan.

Mungkin David Fincher melaksanakan kesemua ini dengan “terlalu literal”, walaupun percubaan ini sebenarnya dipuji, seperti yang dilaksanakan oleh Quentin Tarantino apabila menghidupkan kembali suasana dan rasa filem 1960-an Hollywood, *Once Upon a Time in Hollywood* (2019), sehingga secara teknik, terdapat cigarette burns, iaitu tompokan bulat di sisi kanan skrin, dipaparkan di kanan atas layar pada bahagian tertentu, syot bawah ke atas pada watak (yang direvolusikan dalam filem *Citizen Kane*), jalinan-pancaran cahaya serta bayang-bayang yang ekspresionis (sesuai untuk filem-filem hitam putih) yang digunakan secara berkesan dalam filem-filem noir 1940-an, latar suara yang serba menggaung mononya, dan penggunaan *fade out* (beransur-ansur lenyap) pada setiap adegan yang selesai.

Namun begitu, teknik ini juga membawa pada kecanggungan kerana usaha David Fincher yang lebih mahu mengawal estetik wayang daripada estetik dan kepentingan naratif. Malah, Fincher dalam hal ini menggunakan petikan skrip ayahnya sebagai petanda rujuk perubahan masa, era dan premis (kedua-dua zaman dibingkaikan secara hitam putih). Hal yang disengajakan ini menampilkan penghormatan Fincher terhadap ayahnya, sekali gus seakan-akan membiarkan kata-kata dan “kehadiran” ayahnya langsung berserta di skrin, mengikut sebaik mungkin setiap “arahan” dan “kenyataan”. Memenuhi suatu “wasiat”.

Mungkin hal ini tidak betul apabila Fincher dan Eric Roth, penerbit, membaiki skrip ayahnya dan melunakkan episod Mank sebagai penulis skrip tunggal *Citizen Kane* (mengikut sejarah, Mank dan Orson Welles sama-sama menerima kredit sebagai penulis skrip). Namun begitu, terdapat beberapa wacana dan topik, yang tersedia untuk disulam, tidak disampaikan dengan jelas dan penuh. Kita tidak nampak jukstaposisi jelas, antara kejatuhan era kegemilangan Mank sebagai penulis skrip yang disegani dengan kebangkitan seniman baharu Hollywood dalam Orson Welles, yang dibandingkan dengan era Mank pada puncaknya pada 1930-an dengan latar hidup serba susah golongan pekerja di Hollywood era itu. Singkapan imej hanya singkapan semata-mata. Terlalu banyak persoalan, khususnya politik era itu dan kedalaman perhubungan Mank dengan beberapa watak, dibiarkan tergantung. Runut bunyi filem ini juga, walaupun “cuba” melahirkan nada filem-filem era dahulu, hanya menimbulkan kecanggungan rasa dan mood.

Sekurang-kurangnya, perhubungan antara Mank dengan Marion jelas ditampilkan, menyusun drama-tragedi persahabatan mereka yang penuh dinamis, menjadi cerita sensasi untuk Hollywood pada era *Citizen Kane* dihasilkan. Lakonan Gary Oldman dan Amanda Seyfried dalam hal ini amat dipuji. Mank akhirnya menjadi sebuah lagi hasil karya “melihat semula” kisah belakang tabir Hollywood lama melahirkan filem teragungnya, memasuki barisan filem seperti *RKO 281* dan *Under the Rainbow*, tetapi jarang-jarang sekali mampu hampir dengan kegeniusan filem yang didasarkannya. **DB**

Seandainya Haiwan Boleh Bercakap



Judul:

Mr Zoo: The Missing VIP

Tahun: 2020

Pengarah: Kim Taeyun

Lakon layar: Kim Taeyun

Pelakon: Lee Sungmin, Kim

Seohyung, Shin Hakyun, Bae

Jungnam, David Lee McInnis,

Yoo Inna

Negara: Korea Selatan

Kesedaran untuk berkelakuan baik terhadap haiwan semakin mendapat perhatian masyarakat dunia. Apabila menonton filem ini, penulis berfikir seandainya manusia dan haiwan dapat berbicara sesama sendiri, mampukah kedua-duanya hidup dengan lebih aman dan selamat?

Persoalan tersebut mungkin tidak dapat dirungkaikan kerana manusia dan haiwan mempunyai cara berkomunikasi yang berbeza sejak azali lagi. Sebagai manusia yang berakal, kita mampu membuat pertimbangan yang bijak dan peliharalah alam ini dengan penuh rasa tanggungjawab.

Filem yang berkisarkan tentang haiwan yang bercakap selalunya mempunyai plot cerita yang ringan dan bersifat komedi. Walaupun tidak menawarkan idea yang baharu, filem ini amat sesuai untuk tontonan yang santai mahupun bersama-sama ahli keluarga yang mempunyai anak kecil. Nilai murni seperti berkelakuan baik terhadap binatang dan nilai kasih sayang kepada ahli keluarga bukan sahaja penting untuk ilmu kehidupan kanak-kanak, malah sentiasa menjadi peringatan kepada orang dewasa.



Mingming dihantar ke Korea sebagai simbol hubungan diplomatik dengan China.



Joo Taeju mempunyai kebolehan untuk bercakap dengan haiwan selepas terlibat dalam kemalangan kecil.



Joo Taeju bekerjasama dengan Ali (anjing tentera) untuk mencari Mingming.

Joo Taeju atau Encik Zoo (lakonan bersahaja oleh Lee Sungmin) ialah seorang pegawai khas di National Intelligence Service (NIS) yang ditugaskan untuk mengiringi seekor panda dari Tanah Besar China yang bernama Mingming. Mingming ialah VIP (subjek utama yang menjadi penggerak filem ini) yang dihantar ke negara Korea Selatan sebagai simbol hubungan diplomatik antara negara itu dengan China. Malangnya, Taeju gagal melaksanakan misi penting tersebut. Kemalangan kecil yang berlaku berakhir dengan dirinya yang boleh memahami dan berbicara dengan binatang.

Konflik berlaku apabila Taeju sebenarnya tidak menyukai haiwan. Lebih-lebih lagi apabila dia dapat mendengar perbualan beberapa landak kecil di sebuah pasar raya dan mendengar seekor harimau bernyanyi di zoo, membuatkan Taeju menjadi tidak keruan. Walaupun keadaannya kedengaran agak tidak munasabah oleh rakan kerjanya yang menyifatkan Taeju hanya mahu menutup kesilapan, dia menggunakan kelebihan luar biasa itu untuk mencari Mingming. Ternyata, maklumat yang diperoleh daripada beberapa binatang amat membantunya mencari saksi kejadian kehilangan panda itu. Satu-satunya saksi kejadian itu ialah seekor anjing tentera baka *German Shepherd* yang bernama Ali.

Kehadiran Ali di rumahnya menimbulkan rasa janggal kerana sikap obsesnya terhadap kebersihan dan kekemasan. Babak imbas kembali tentang mendiang isterinya yang sangat menyayangi haiwan sehingga memudaratkan kesihatan juga menambahkan trauma Taeju untuk menghampiri makhluk ciptaan Tuhan itu. Namun begitu, kata-kata anak perempuannya, Seoyeon tentang pengorbanan haiwan terhadap manusia menukar pandangan Taeju. Seperti ibunya, Seoyeon menginginkan anjing sebagai haiwan peliharaan di rumah dan menganggap Ali sebagai hadiah hari lahirnya.

Kerjasama antara Taeju dengan Ali ada pasang surutnya. Pada awalnya, Taeju tidak mempercayai kepintaran Ali setelah dia tersalah tangkap dalang utama di balik kehilangan Mingming. Dia juga hampir

menghantar Ali semula ke kem tentera yang hanya akan membuatkan pelatih tentera di situ mematikan Ali atau digunakan sebagai ujian makmal. Perasaan belas kasihan dan saling mempercayai telah memberikan peluang kedua kepada mereka untuk meneruskan pencarian, seterusnya membongkar rahsia penjenayah yang cuba untuk mencipta klon genetik panda.

Filem ini berjaya menengahkan watak-watak haiwan yang bercakap dengan menggunakan imej janaan komputer yang baik, kecuali beberapa watak seperti Ali yang dilakonkan oleh anjing sebenar dan Mingming yang sudah tentunya manusia yang memakai baju kostum panda. Banyak artis popular Korea Selatan yang menyumbangkan suara untuk watak haiwan dalam filem ini. Suara mereka amat mencuit hati dan menghiburkan penonton.

Sebagai contohnya, pelakon terkenal, Yoo Inna sangat versatil membawakan watak Mingming yang manja dan hanya mahu menaiki kereta limousin. Park Junhyung, bekas penyanyi kumpulan G.O.D juga menyumbangkan suara untuk watak helang dengan gaya percakapannya yang bersahaja. Penulis harus memuji cara pengendalian haiwan sebenar dalam filem ini yang bertaraf profesional dan mematuhi etika pengendalian yang baik.

Secara keseluruhannya, filem ini mempunyai plot cerita yang dapat dijangka dan terancang melalui rentetan jalinan babak yang diungkapkan dengan teliti. Filem ini juga mengangkat peranan dan kehebatan anjing tentera dalam proses pencarian penjenayah yang dikehendaki. Penggunaan teknologi janaan komputer yang berkesan dan kebolehan pelakon sebenar dan pelakon suara latar yang berjaya menghidupkan watak yang diberi menjadikan filem ini wajar untuk ditonton. **DB**



Majlis Pelancaran Kuantan Sebagai Bandaraya

21 Februari 2021

Kuantan, Pahang.

www.pahangtourism.org.my



Pameran Motosikal Bukit Fraser

27 Februari – 28 Februari 2021

Bukit Fraser, Pahang.

www.pahangtourism.org.my



Perarakan Bot Berhias Sungai Kuantan 2021

21 Februari 2021

Sungai Kuantan, Pahang.

www.pahangtourism.org.my



Festival Bukit Fraser

27 Februari – 28 Februari 2021

Bukit Fraser, Pahang.

www.pahangtourism.org.my



Katsuo Stamina Janda Baik

27 Februari – 28 Februari 2021

Janda Baik, Pahang.

www.pahangtourism.org.my



Sambutan Tahun Baru Cina 2021

27 Februari – 28 Februari 2021

Georgetown, Pulau Pinang.

www.mypenang.gov.my



Majalah Terbaik DBP

Portal DBP Niaga

Pembelian Secara dalam Talian

Log masuk | Hubungi | Peta Laman

DBP Niaga

Mengebarkan Ilmu Mengantani Masyarakat

KHIDMAT PELANGGAN
03-4101 0023/0025
LANGGANAN MAJALAH
03 4101 0029/0033


TROL I
0 Item

Cari

CAJI

KATEGORI

- Judul Terpilih
- Kamus
- Bahasa
- Novel
- Sastera
- Sejarah
- Islamik
- Pendidikan
- Kanak-Kanak
- Pakej Buziri
- Banyak lagi >
- Buku Teks >
- Majalah >



CADANGAN PRODUK

TERLARIS



Kamus Sains dan Teknologi
Edisi Kedua (KIC)

RM76.50
RM99.00



Canggihnya Bahasa Melayu:
Kepelembagaan Unsur
Hubungan

RM50.15
RM55.00



Novel Perang: Platun
Harimau Dalam Misi 11
Hiriopa ke...

RM21.25
RM25.00



Edisi Khas Sasterawan
Negara Dahan Zairi:
Memartabatkan...

RM14.45
RM15.00



HARGA ASAL: RM15.00
SELEPAS DISKAUN: RM12.75



HARGA ASAL: RM6.00
SELEPAS DISKAUN: RM6.80



HARGA ASAL: RM30.00
SELEPAS DISKAUN: RM25.50



HARGA ASAL: RM29.90
SELEPAS DISKAUN: RM26.91

DISKAUN HINGGA
15%

BAGI SETIAP PEMBELIAN
DI LAMAN WEB DBPNIAGA.MY